


Jilid I  
Bil. 83



Hari Khamis  
25hb Oktober, 1979

# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

**PARLIAMENTARY DEBATES**

**DEWAN RAKYAT**

*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

**PARLIMEN KELIMA**

*Fifth Parliament*

**PENGGAL PERTAMA**

*First Session*

**KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
[Ruangan 8947]

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**  
[Ruangan 8974]

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Perbekalan, 1980 [Ruangan 8974]**

**USUL:**

**Anggaran Pembangunan, 1980 [Ruangan 8974]**

**MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT YANG KELIMA**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG PERTAMA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' (DR) SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.P., P.I.S., B.S.I.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Wilayah Persekutuan, DATO HUSSEIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).
- ” Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.S., S.S.A.P. (Kubang Pasu).
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).
- ” Menteri Undang-undang, DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).
- ” Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).
- ” Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- ” Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TAN SRI DATO HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., S.P.D.K., S.S.I.J. (Tenggaroh).
- ” Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- ” Menteri Pertahanan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- ” Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).
- ” Menteri Pelajaran, DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).
- ” Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).
- ” Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Jelebu).
- ” Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- ” Menteri Pertanian, DATO' SHARIF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- ” Menteri Penerangan, DATO MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- ” Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' RICHARD HO UNG HUN, D.P.M.P. (Lumut).

Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M.  
(Taiping).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T.  
P.P.T. (Kuala Trengganu).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN LEO MOGGIE ANAK IROK  
(KANOWIT).

„ Menteri Perumahan dan Kemajuan Tempatan, DATO DR NEO YEE PAN,  
D.P.M.J. (Muar).

„ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' S. SAMY  
VELLU, D.P.M.S., A.M.N., S.M.S., P.C.M. (Sungai Siput).

„ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO MANSOR BIN OTHMAN, K.M.N.,  
P.J.K. (Kuala Pilah).

„ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI  
KAMARUDDIN BIN MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).

„ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M.,  
A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).

„ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM,  
D.S.L.D. (Tampin).

„ Timbalan Menteri Kesihatan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S.  
(Santubong).

„ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' HAJI  
RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).

„ Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).

„ Timbalan Menteri Pengangkutan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF  
(Kuantan).

„ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S.  
(Saratok).

„ Timbalan Menteri Kewangan, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S.,  
A.M.N. (Selayang).

„ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK K. PATHMANABAN,  
D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).

„ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO LEW SIP HON,  
D.P.M.S., J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).

„ Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).

„ Timbalan Menteri Pertanian, DATUK HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL  
RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., S.M.T., P.B. (Besut).

„ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI DATO' SYED AHMAD  
SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N.,  
J.P. (Padang Terap).

„ Timbalan Menteri Undang-undang, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN,  
D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).

„ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN  
SANUSI BIN JUNID (Jerlun-Langkawi).

„ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN MAK HON KAM, J.M.N., A.M.P.  
(Tanjong Malim).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR NIK HUSSEIN BIN ABDUL RAHMAN, K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN CLARENCE E. MANSUL (Penampang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN CHIN HON NGIAN (Renggam).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, DATO ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., A.M.N., P.I.S. (Ledang).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD (Johor Bahru).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK THAMBY CHIK, P.J.K. (Alor Gajah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN (Gaya).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM *alias* Yahya bin Ahmad (Machang).
- „ TUAN ABBAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABBAH (Bandau).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Paloh).
- „ TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ (Tanjung Karang).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUAN A.K. ALIUDDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD. TAHIR (Kimanis).
- „ TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON, A.S.D.K., A.D.K., J.P.U., J.P. (Labuk Sugut).

Yang Berhormat DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).

- ” TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- ” TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- ” TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- ” TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- ” TUAN CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).
- ” TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- ” DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- ” DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- ” TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- ” TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- ” PUAN CHOW POH KHENG, S.M.S. (Ulu Langat).
- ” TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- ” TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- ” TUAN V. DAVID (Damansara).
- ” DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- ” DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- ” TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- ” DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K. (Ulu Padas).
- ” TUAN HASHIM BIN ENDUT (Ulu Muda).
- ” TUAN HASHIM BIN GHAZALI, A.M.N. (Matang).
- ” TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- ” DR HEE TIEN LAI, A.M.N., P.I.S., B.S.I., (Ayer Hitam).
- ” TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- ” TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- ” TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).
- ” TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).
- ” TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- ” TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- ” TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- ” TUAN JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- ” TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- ” TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- ” TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- ” DATUK LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- ” TUAN LEE KAW (Kluang).

Yang Berhormat TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).

- „ TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING, A.M.K. (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- „ TUAN LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, J.B.S. (Kapit).
- „ TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMAD GHAZALI (Gerik).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O.K.K. HAJI ASNEH, D.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, A.M.P. (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUAN MOHD. NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.N.B.D., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K. (Alor Setar).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Menglembu).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Bukit Mas).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Silam).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, J.M.N., A.M.P., P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ PUAN SHARIFAH DORAH BINTI MOHAMED (Semerah).
- „ TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, A.M.N., S.M.S. (Sepang).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, A.M.P., P.J.K. (Arau).

Yang Berhormat TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).

- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- „ DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- „ TENGGU NOOR ASIAH BINTI TENGGU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M.A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- „ DR WONG SOON KAI, P.B.S. (Sibu).
- „ TUAN YANG CHOONG FU (Kinta).
- „ PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI P.I.S., B.S.I. (Panti).
- „ TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI, P.J.K. (Permatang Pauh).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

## MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

Khamis, 25hb Oktober, 1979

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

## DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-PERTANYAANPERKEMBANGAN DI KAMPUCHEA—  
KENYATAAN MALAYSIA

1. Tuan Jamaluddin bin Haji Suhaimi minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada beliau sedar tentang kenyataan yang dibuat oleh negara kita berkaitan dengan perkembangan di Kampuchea sekarang yang telah dianggap sebagai satu percubaan untuk campurtangan dalam hal ehwal dalam negeri negara tersebut yang mana adalah bercanggah dengan konsep berkecuali yang diperjuangkan oleh ASEAN.

Menteri Luar Negeri (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj): Tuan Yang di-Pertua, dasar tidak campurtangan di dalam hal ehwal dalam negeri tidak bermakna kita tidak harus menyatakan pandangan dan kebimbangan terhadap peristiwa-peristiwa yang berlaku di negara-negara lain, khususnya negara-negara serantau, lebih-lebih lagi pergolakan di Kampuchea itu mungkin merebak dan mengancam keselamatan dan kestabilan serantau dengan kemungkinan campurtangan kuasa-kuasa luar.

Adalah menjadi kebiasaan bagi kita untuk membangkitkan isu-isu seperti ini di forum-foram antarabangsa. Pendek kata, bagi isu-isu serantau masyarakat antarabangsa memang mengharapkan negara-negara serantau sendiri untuk mengambil langkah utama serta menunjukkan jalan ke arah penyelesaian.

Pendirian yang telah diambil oleh Malaysia dan negara-negara ASEAN yang lain terhadap keadaan di Kampuchea adalah semata-mata

mengulangi rasa kebimbangan kita terhadap hal ehwal dalam negeri Kampuchea yang dicampurtangan oleh kuasa-kuasa luar. Berdasarkan kepada prinsip inilah maka kita telah beberapa kali menggesa supaya diadakan pengunduran serta-merta semua tentera asing dari Kampuchea. Kita telah juga mengulangi sokongan terhadap hak rakyat Kampuchea untuk menentukan masa depan mereka sendiri tanpa sebarang campurtangan dan pengaruh dari kuasa luar. Malahan dalam hal ini kita telah menggesa supaya diadakan satu penyelesaian politik selaras dengan matlamat konsep ZOPFAN dan konsep berkecuali yang diperjuangkan oleh Malaysia dan negara-negara ASEAN lain.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berkecuali ini bermakna tidak sana, tidak sini. Itulah mengikut fahaman saya, begitu juga agaknya fahaman Yang Berhormat Menteri Luar Negeri. Tetapi dengan sebab kita mengiktiraf Kerajaan Pol Pot adakah ini tidak bererti bahawa kita tidak berkecuali, kita menyebelahi Kerajaan Pol Pot?

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, barangkali keadaan tidak sebenarnya difahami apa yang berlaku di Havana dan di United Nations.

Sukalah saya menjelaskan sedikit sebanyak. Apa yang telah kita tegaskan ialah procedure matters. Sebaliknya, jikalau kita tidak menahan keadaan *status quo*, ini bermakna expulsion satu-satu ahli khususnya apa yang dicarakan di Havana. Kalau kita tidak menahan keadaan ini mungkin akan dikatakan kita menyebelahi sebelah yang lain. Maka dengan dasar keputusan non-aligned ini di Moputu pada awal tahun ini, selepas peperangan, iaitu Democratic Kampuchea (DK) perlulah diletakkan duduk di kerusinya tetapi tidak boleh bercakap oleh sebab Democratic Kampuchea ialah observer, bukan anggota Co-ordinating Bureau. Formula ini

dipersetujui juga oleh Non-aligned Movement di Arusa, Tanzania selepas persidangan itu, barangkali sebulan atau dua bulan, saya tidak berapa ingat.

Formula yang sama juga diadakan iaitu di Democratic Kampuchea diletakkan di kerusinya di Sri Lanka sebulan sebelum Havana dan di situ juga telah disetujui oleh semua negara-negara non-aligned. Apabila sampai ke Havana, sebelum keputusan dibuat oleh Head of State atau Government maka Democratic Kampuchea perlu duduk di sana. Apabila sampai di sana perkara ini tidak dijadikan seperti mana yang telah disetujui di Sri Lanka.

Inilah procedure yang perlu kita katakan di sana tetapi barangkali laporan-laporan itu tidak memahami keadaan kedudukan. Sebaliknya jikalau kita (Malaysia) yang menjadi Pengerusi ASEAN pada tahun ini sebagai negara-negara yang berdekatan di rantau Asia Tenggara ini memberi penjelasan iaitu inilah keputusannya, maka saya rasa kita betul-betul non-aligned, betul-betul berkecuali tidak memihak kepada mana-mana satu pihak. Berlakunya hal ini ialah oleh sebab invasi ke Kampuchea, maka inilah sebabnya pihak kita betul-betul non-aligned, maka perlulah kita mengakui dan mengikuti keputusan non-aligned sebelum Persidangan Kemuncak membuat keputusannya, sebaliknya perlulah Demokratik Kampuchea ditempatkan di situ.

**Tuan Hussein bin Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, daripada pendirian yang diambil oleh Malaysia mengenai siapa yang perlu duduk di kerusi Kampuchea di Havana dan daripada seruan Malaysia supaya pihak asing keluar daripada Kampuchea, adakah setakat hari ini pihak negara kita telah dapat mengesan sebarang kesan-kesan yang tidak baik hasil daripada langkah yang disebutkan tadi.

**Tengku Dato' Ahmad Rithaudeen Al-haj:** Tuan Yang di-Pertua, suka saya menyatakan selepas persidangan di Havana apabila undi credential telah dibincangkan, siapakah yang patut duduk di kerusi Kampuchea di United Nations pada tanggal 18hb-19hb bulan yang lepas, 71 negara menyokong iaitu Democratic Kampuchea perlu menduduki sebelum Kerajaan baru yang dipilih oleh rakyat Kampuchea. Sebab itulah saya rasa keputusan pendirian Malaysia dan negara-negara yang lain iaitu ASEAN telah memberikan sokongan yang banyak iaitu 71

negara, cuma 35 yang membangkang. Ini menunjukkan iaitu kesan yang nyata atas apa pendirian Malaysia dan negara-negara ASEAN yang telah memberikan sokongan yang baik, sokongan dan kesan yang baik daripada negara-negara lain iaitu kita betul-betul teguh sebagai satu negara yang berkecuali yang mengamalkan dasar berkecuali yang sebenarnya.

**Tuan P. Patto:** Bolehkah Yang Berhormat Menteri menerangkan tentang pendirian Malaysia terhadap peristiwa yang baru-baru ini berlaku di sempadan Thai/Kampuchea dan sama ada Malaysia telah membincangkan perkara ini dengan negeri Thai dan adakah ASEAN sebagai group of nations akan mengambil langkah-langkah sama ada akan membawa perkara ini ke United Nations ataupun lain-lain forum antarabangsa.

**Tengku Dato' Ahmad Rithaudeen Al-haj:** Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun terkeluar sedikit daripada soalan yang asal, issue Kampuchea telahpun diinscribkan satu daripada agenda persidangan United Nations yang ke 34 itu.

## PENYELEWENGAN PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN

**2. Tuan Au How Cheong** minta Perdana Menteri menyatakan apakah sebabnya Menteri-menteri nampaknya tidak menjalankan langkah-langkah tertentu supaya diambil tindakan untuk membetulkan kesalahan penyelewengan yang dibuat oleh pegawai-pegawai dalam Kementerian masing-masing, seperti yang dilaporkan dalam laporan-laporan Juru Odit Negara tiap-tiap tahun. Apakah tanggungjawab Menteri-menteri terhadap kesalahan/penyelewengan yang berlaku itu.

**Timbalan Perdana Menteri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, memang pada keseluruhannya seorang Menteri itulah yang bertanggungjawab ke atas segala hal ehwal Kementerian-nya. Walaupun begitu perkara-perkara pentadbiran hari-hari, termasuk soal kakitangan dan pelaksanaan belanjawan Kementerian dan Jabatan-jabatan di bawahnya adalah dalam kawalan dan penyeliaan Pegawai Pengawal (Controlling Officer), iaitu Ketua-ketua Setiausaha Kementerian atau Ketua-ketua Jabatan berkenaan.

Adalah menjadi tanggungjawab Pegawai Pengawal itu untuk menentukan pentadbiran dan pelaksanaan belanjawan Kementerian atau Jabatannya diselenggarakan dengan teratur mengikut procedure yang telah ditetapkan dalam Perintah-perintah Am, Arahan-arahan Perbendaharaan dan lain-lain peraturan yang dikeluarkan dari masa ke semasa oleh pihak yang berkuasa.

Tiap-tiap Kementerian dan Jabatan juga mempunyai Lembaga-lembaga Tatatertibnya masing-masing yang ditubuh khusus untuk mengambil tindakan sewajarnya terhadap pegawai-pegawai yang bersalah dan menyeleweng, berpandu kepada Perintah-perintah Am khususnya Bab "D". Walau bagaimanapun Menteri sentiasa mengawasi supaya segala kesalahan atau penyelewengan berkenaan kewangan dilaporkan kepada pihak berkuasa yang berkenaan.

### UNDANG-UNDANG KELUARGA NAFKAH ISTERI TERANIAYA

**3. Puan Sharifah Dorah binti Mohamed** minta Menteri Undang-undang menyatakan, memandangkan bertambah ramai para isteri yang dianiyai oleh bekas suami mereka terutamanya tentang menyempurnakan pembayaran nafkah hingga ada yang terpaksa memperdagangkan maruah mereka, bilakah Undang-undang Keluarga yang telah digubal itu akan dibentangkan untuk kelulusan oleh Parlimen supaya suatu tindakan yang wajar dan berkesan dapat dibuat dan dilaksanakan terhadap bekas-bekas suami yang mencuaikan tanggungjawab mereka.

**Timbalan Menteri Undang-undang (Dato' Abdullah bin Abdul Rahman):** Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan ini, sekiranya Ahli Yang Berhormat bermaksud Undang-undang Keluarga itu ialah Rang Undang-undang Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Penceraian) (Pindaan) 1979, maka suka saya maklumkan pindaan ini akan dibawa dalam mesyuarat Parlimen ini juga.

Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Penceraian) 1976 telahpun diluluskan oleh Parlimen dalam tahun 1976 tetapi belum dikuatkuasakan lagi. Tarikh kuatkuasa undang-undang ini akan ditetapkan setelah sahaja undang-undang kecil dapat dibereskan.

Perlu saya mengingatkan Undang-undang yang meliputi berkenaan penguatkuasaan pembayaran nafkah ialah Akta (Menguatkuasakan Nafkah) Perempuan Bersuami dan Kanak-kanak 1968.

**Puan Sharifah Dorah binti Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pada masa ini semua kes tuntutan nafkah dijalankan dan diselenggarakan oleh Pejabat Kadhi dan langsung tidak diindahkan oleh kebanyakan suami-suami yang menceraikan isterinya. Bolehkah Kementerian Undang-undang menimbangkan supaya segala tuntutan nafkah bagi orang Islam dibuat di Mahkamah Sivil dan mengarahkan majikan-majikan menjalankan potongan gaji daripada suami yang enggan menjelaskan pembayaran nafkah itu kepada isteri-isteri melalui mahkamah, kerana inilah kata pepatah Inggeris, dengan izin, it is easy to marry, heavy to carry (*Ketawa*).

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini tak minta izin bercakap Inggeris?

**Dato' Abdullah bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, order ataupun perintah itu pada mulanya dibuat di Mahkamah Syariah dan apakala datang kepada menguatkuasakan perintah itu, kes itu biasanya pergi ke mahkamah Sivil.

**Datuk Haji Abu Bakar bin Umar:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan Undang-undang Keluarga yang telah diluluskan oleh Parlimen kalau tak silap saya, saya pun ada dalam Parlimen waktu itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tahun 1976 Ahli Yang Berhormat memang ada, bermakna masih Ahli.

**Datuk Haji Abu Bakar bin Umar:** Bukanlah Undang-undang Keluarga itu cuma terhad kepada orang-orang yang bukan Islam, orang-orang Islam tak termasuk dalam Undang-undang Keluarga itu. Itu saya hendak minta penjelasan.

**Datuk Abdullah bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, betullah itu terhad kepada orang-orang yang bukan Islam sahaja.

### SIMPANAN PERTUKARAN MATAWANG ASING

**4. Tuan Lee Kaw** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada simpanan-simpanan pertukaran asing dilaburkan dengan kebijanya dalam emas dan atau dalam matawang-matawang yang stabil untuk mencegah kerugian yang bakal dialami jika ia dilaburkan dalam matawang-matawang yang kurang kukuh.

**Timbalan Menteri Kewangan (Datin Paduka Rafidah Aziz):** Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa tujuan utama dasar simpanan pertukaran asing Malaysia ialah untuk melindungi dan mengekalkan kestabilan nilai simpanan pertukaran asing supaya terus mendapat kadar pulangan yang berpatutan. Selaras dengan tujuan itu, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah yang perlu supaya mempelbagaikan pemegangan simpanan wang asing dalam bentuk emas, matawang negara-negara yang stabil dan Hak Pengeluaran Khas (Special Drawing Rights). Hasil dari langkah-langkah itu, adalah didapati bahawa turun naiknya satu-satu nilai matawang asing tidak memberi kesan yang besar kepada kestabilan nilai keseluruhan simpanan pertukaran wang asing negara kita ini.

**Tuan Lee Kaw:** Menurut jawapan dari Timbalan Menteri Kewangan oleh kerana seluruh dunia keadaan ekonomi akan melibatkan oleh sebab kenaikan harga minyak dan boleh jadi matawang negeri-negeri lain akan diturunkan, bolehkah Timbalan Menteri menimbangkan satu langkah untuk menggunakan sebahagian Foreign Exchange Reserve kita untuk menyokong Buffer Stock dalam tin di mana Malaysia adalah pengeluar yang banyak sekali?

**Datin Paduka Rafidah Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, penyelarasan atau pengendalian pertukaran wang asing (Foreign Exchange Reserve) kita adalah dibuat dari masa ke semasa untuk menimbangkan perubahan yang berlaku dalam ekonomi antarabangsa dan turun naik matawang akibat kenaikan harga ataupun akibat perubahan-perubahan dalam perdagangan antarabangsa misalnya memang diambil perhatian dari masa ke semasa.

**Tuan Chan Teck Chan:** Yang Berhormat Timbalan Menteri ada memberitahu Dewan bahawa simpanan pertukaran asing Malaysia

adalah dibahagikan dalam bentuk emas, matawang negara-negara asing dan juga hak pengeluaran khas. Maka bolehkah Yang Berhormat memberitahu Dewan ini berapakah percent kita ada simpanan bentuk emas dan berapa percent dalam matawang negara asing dan juga hak pengeluaran khas?

**Datin Paduka Rafidah Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, kalau Ahli Yang Berhormat dapat merujuk kepada Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia tidak apalah saya akan berikan—dalam tahun 1978 Hak Pengeluaran Khas ialah \$111.5 juta, Hak pengeluaran emas (gold tranche) \$154.2 juta dan Emas dan pertukaran wang asing \$7,097.8 juta. Jadi jumlah pada masa itu cadangan bersih kita \$7,363.5 juta, angka ini ada diterbitkan dalam Laporan.

### GAJI PEKERJA-PEKERJA

**5. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan sama ada beliau bercadang mengkaji semula pembayaran gaji yang dibayar oleh pengusaha-pengusaha kepada pekerja-pekerja mereka sekarang memandangkan kenaikan harga barang-barang keperluan terutama sekali di Kuala Lumpur dan jika ya bila; jika tidak, mengapa.

**Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Datuk K. Pathmanaban):** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, bagi pekerja-pekerja di dalam sektor ladang, lombong, bank ataupun syarikat-syarikat perniagaan dan perindustrian yang lain, pekerja-pekerja mereka diwakili oleh Kesatuan-kesatuan Sekerja dan kadar-kadar gaji mereka biasanya adalah dirunding dan seterusnya dipersetujui oleh majikan dan Kesatuan-kesatuan Sekerja masing-masing bagi satu tempoh yang ditetapkan. Di dalam perundingan-perundingan tersebut pihak yang berkenaan sudah tentu menimbangkan beberapa faktor termasuk kos sara hidup yang terdapat pada ketika itu.

Bagi majikan-majikan di mana pekerja-pekerja mereka tidak mempunyai Kesatuan Sekerja kadar gaji yang telah dirundingkan seperti saya huraikan tadi biasanya digunakan juga sebagai panduan oleh mereka dalam mengkaji semula kadar gaji bagi

pekerja-pekerja mereka itu. Walau bagaimanapun Kementerian saya adalah mengikut dengan rapinya kadar gaji bagi sektor yang tidak berorganisasi ini. Jika kadar gaji dalam mana-mana kes yang tertentu adalah rendah dan tidak berpatutan, Kementerian saya akan cuba menggesa pihak pengurusan bagi membetulkan kedudukan itu dan Kementerian saya juga mendapati peraturan-peraturan ini adalah memuaskan dan dengan yang demikian berpendapat buat masa sekarang ianya tidak perlu diubah.

**Dr Hee Tien Lai:** Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa kerana pembayaran gaji yang rendah berbanding dengan gaji di Singapura maka kebanyakan pekerja-pekerja telah pergi ke Singapura untuk bekerja di situ dan ini telah mengakibatkan kekurangan pekerja-pekerja di Johor? Kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar, apakah langkah akan diambil untuk mengatasi masalah ini?

**Datuk K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi satu faktor dalam menentukan kadar gaji pada satu masa ke satu masa adalah faktor kos sara hidup dan mungkin di Singapura mereka berkehendakkan bayaran gaji yang lebih sedikit untuk memenuhi kos sara hidup yang lebih tinggi lagi di Singapura. Walau bagaimanapun pada masa ini seperti Ahli Yang Berhormat itu sedia maklum di Singapura juga ada cadangan untuk menaikkan lagi gaji pekerja-pekerja di Singapura dan sudah tentu bahawa satu daripada akibatnya adalah pekerja-pekerja yang telah berhijrah pergi ke Singapura akan pula berhijrah datang balik.

**Tuan Muhyiddin bin Haji Mohamed Yassin:** Soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat pernah menyatakan bahawa belumlah sampai masanya diadakan satu skim gaji minima yang menyeluruh di seluruh negara ini. Oleh yang demikian saya ingin bertanya sama ada Kerajaan bercadang untuk mengadakan satu skim gaji minima bagi industri-industri tertentu dan juga bagi kawasan-kawasan tertentu dan dilaksanakan mengikut peringkat-peringkat seperti di industri elektronik, ladang getah atau seumpamanya.

**Datuk K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, adalah benar bahawa Kerajaan pada masa ini tidak bercadang untuk mengadakan satu gaji minima yang menyeluruh, tetapi saya ingin mengatakan di sini bahawa Kerajaan juga masa ini telahpun menubuhkan lima buah Majlis Gaji di mana gaji minima sedang ditentukan khasnya dalam sektor-sektor yang tidak mempunyai organisasi Kesatuan Sekerja. Dan pada dasarnya Kementerian saya boleh mengenalkan Majlis Gaji ini (Wages Council) kepada sektor-sektor yang lain yang berkeadaan serupa. Tetapi saya ingin menyatakan juga pada masa ini Kerajaan tidak mempunyai cadangan untuk menubuhkan satu Majlis Gaji di sektor elektronik.

**Tuan Lim Kit Siang:** Oleh kerana harga barang-barang keperluan melambung naik dan pekerja-pekerja menghadapi kesusahan atas inflasi yang serius yang berlaku ini, adakah Kementerian Buruh mempunyai rancangan untuk menimbang dan merekomendasikan lagi sekali bahawa majikan-majikan membayar COLA kepada pekerja-pekerja untuk menghadapi spiral inflasi yang baru ini?

**Datuk K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, perkataan COLA itu adalah umum sangat, tetapi saya ingin mengatakan bahawa cara yang digunakan pada akhir tahun 1973 untuk mengatasi inflasi yang wujud pada masa itu adalah bayaran SRA (Special Relief Allowance), bukan COLA. Pada masa ini SRA ini pada amnya telahpun diserapkan dalam gaji pokok seperti telah dibuat dalam sektor Kerajaan. Tetapi masih ada banyak tempat di mana SRA ini sedang dibayar khasnya untuk mengatasi impact inflasi. Saya ingin juga mengatakan di sini bahawa cara untuk mengatasi akibat inflasi di atas gaji pekerja-pekerja adalah satu yang tidak boleh dihadkan kepada satu pendekatan pembayaran gaji sahaja. Tetapi hendaklah diapproach dengan satu cara yang lebih comprehensive seperti yang telah dibuat dalam Budget yang diumumkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan beberapa hari dahulu, dan beberapa tindakan yang lain yang sedang diambil oleh Kerajaan seperti melalui kawalan harga barang-barang makanan yang penting di bawah Akta Kawalan Harga tahun 1975 dan lain-lain.

**Tuan Patrick Anek Uren:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa oleh kerana gaji minima di seluruh negara belum ditetapkan sekarang, keadaan kekurangan gaji telah menyebabkan tertumbuhnya beberapa banyak Employment Agency termasuk beberapa ramai penduduk di Kuching yang telah mempelawa gadis-gadis untuk bekerja di kilang-kilang di Singapura menjanjikan gaji yang lebih mewah daripada yang ada di tempatnya. Saya hendak bertanya sama ada Kementerian sedar pada perkara ini; kedua, sama ada disetujukan oleh Kementerian, dan ketiga, sama ada kawalan atau perlindungan akan diberi kepada gadis-gadis itu bila pergi kerja di negeri Singapura?

**Datuk K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, kami sedar bahawa ada perkhidmatan pekerjaan private seperti yang disebutkan tadi oleh Ahli Yang Berhormat yang sedang menguasai recruit pekerja-pekerja untuk bekerja di Luar negara Malaysia kita ini termasuk Singapura. Pada masa ini kita sedang mengkaji satu Rang Undang-undang untuk mengenakan kawalan di atas kegiatan Employment Agencies seperti itu. Kita memang tidak memberi kebenaran kepada Employment Agencies seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Mereka adalah biasanya didaftarkan di bawah Companies Act dan tidak di bawah Kementerian saya. Tetapi pada masa ini kita sedang berusaha untuk mengatasi masalah ini.

## HARGA RUMAH

**6. Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan adakah beliau sedar bahawa dengan harga rumah yang kian bertambah di negara ini, orang-orang miskin dan golongan berpendapatan rendah mendapati sukar dan tidak terdaya membeli rumah, jika ya, adakah Kementerian beliau akan melaksanakan dasar perumahan harga rendah yang lebih dinamis untuk negara ini.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Haji Ramli bin Omar):** Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa dengan adanya kenaikan harga rumah akan sedikit sebanyak menyukarkan golongan yang berpendapatan rendah mendapat rumah. Di atas kesedaran inilah Kerajaan

telah menambah peruntukan bagi perumahan awam di dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga baru-baru ini daripada \$2.4 billion kepada \$3.1 billion untuk membina 241,300 yunit rumah. Bagi rancangan perumahan awam kos rendah sahaja yang dikendalikan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri melalui peruntukan pinjaman daripada Kementerian saya, peruntukan juga telah ditambah daripada \$480 juta kepada \$663.4 juta bagi membina 73,506 yunit rumah.

Selain daripada itu satu kajian kemungkinan di peringkat nasional mengenai "Integrated Sites and Services and Related Housing Programmes" dengan bantuan Bank Dunia telah dijalankan dan adalah diharapkan hasil daripada kajian itu satu pendekatan yang menyeluruh dan berkesan bagi seluruh negara akan dapat dimajukan kelak. Ianya juga bertujuan untuk mengkaji kemungkinan-kemungkinan rancangan-rancangan awam kos rendah dalam bentuk yang lain yang sesuai untuk golongan berpendapatan rendah.

Bagi menggalakkan penyertaan pihak swasta dalam melaksanakan rumah harga rendah Kerajaan juga telah mengambil beberapa langkah dan memberikan insentif-insentif yang tertentu bagi pihak swasta untuk membina banyak lagi rumah harga rendah yang mampu dibeli oleh golongan berpendapatan rendah.

Saya kira dasar dan program-program perumahan yang diadakan sekarang adalah sudah cukup dan memadai. Sungguhpun demikian Kerajaan sedang meneliti dengan mendalam sama ada dasar itu perlu diperbaiki dengan mengambil kira keadaan dan masa yang ada.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Speaker, ada dua soalan tambahan. Pertama, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada mengatakan bahawa lebih banyak peruntukan akan diberi untuk membina lebih banyak rumah kos rendah di negara kita ini. Di sini suka saya bertanya adakah beliau sedar bahawa dasar perumahan kos rendah Kerajaan adalah tidak memuaskan memandangkan bahawa hanya kurang daripada 20% rumah kos rendah dapat disediakan dari matlamat kos rendah Kerajaan yang telah disemak semula dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia

Ketiga. Jika beliau sedar tentang hakikat ini, suka saya mendapat tahu apakah langkah yang Kerajaan hendak mengambil untuk mengatasi ketinggalan yang begitu besar ini?

Yang kedua . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah dahulu soalan tambahan itu, banyak sangat!

**Tuan Lee Lam Thye:** Ada dua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Satu cukuplah!

**Dato' Haji Ramli bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dasar perumahan Kerajaan adalah sepertimana yang telah dihuraikan dalam Manifesto parti Barisan Nasional dan mengenai dengan soalan yang ditanya iaitu rumah-rumah yang dibina tidak mencukupi, sebenarnya saya suka membetulkan soalan Ahli Yang Berhormat iaitu bukan kurang 20%. Rancangan rumah awam kos rendah adalah kadar sekarang ini 40% iaitu yang dikira rancangan perumahan yang dibina oleh Kerajaan keseluruhannya. Kalau dibina melalui Kementerian saya bolehlah dikatakan kurang daripada 20%, tetapi dikira menyeluruh, maknanya daripada rancangan public sector 200,000 lebih rancangan pembinaan rumah adalah 40% dan bukan kurang 20%.

**Tuan Lim Cho Hock:** Adakah Timbalan Menteri mengetahui di Singapura pada hari ini 50% lebih rakyat yang tinggal di Singapura mendapat rumah yang dibina oleh Kerajaan Singapura, tetapi di negara kita tidak sampai 1% rakyat Malaysia mendapat rumah yang dibina oleh Kerajaan Malaysia. Bukankah ini menunjukkan rancangan perumahan di negara kita sudah gagal?

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan ini di luar daripada soalan asal, tetapi kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak mengambil peluang menjawabnya, saya benarkan.

**Dato' Haji Ramli bin Omar:** Soalan ini di luar daripada soalan asal (*Ketawa*).

**Tuan Shamsuri bin Md. Salleh:** Soalan tambahan, selain daripada Kementerian Perumahan sendiri yang akan mendirikan banyak rumah awam kos rendah ini, Yang Berhormat Timbalan Menteri juga mengatakan Kerajaan menggesa pihak pemaju swasta membina

rumah-rumah kos rendah ini dan akan memberi galakan dan insentif. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan apakah bentuk galakan dan insentif yang akan diberi kepada pemaju swasta yang membina banyak rumah-rumah kos rendah ini?

**Dato' Haji Ramli bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, insentif yang diberi kepada pemaju-pemaju perumahan ialah yang pertama sekali kita melonggarkan Akta Mengawal dan Melesen Pemaju-pemaju Perumahan yang mendirikan rumah di bawah paras \$25,000. Yang keduanya ada peruntukan dalam Akta Mengawal dan Melesen Kaedah-kaedah Pemaju Perumahan, kelonggarannya ialah Menteri memberi kelonggaran supaya memberi paid-up capital iaitu modal-modal dan sebagainya kalaulah tidak cukup syarat, tetapi dengan syarat pemaju perumahan ini mendirikan rumah yang berharga murah dan kita meluluskan lesen kepada pemaju perumahan itu. Itulah kelonggarannya.

**Dr Tan Tiong Hong:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu adakah Timbalan Menteri sedar sektor perumahan koperasi malangnya ketinggalan jauh ke belakang dari pemaju-pemaju lain, dan jikalau sedar, apakah sebabnya dan bolehkah Kerajaan memberi pertolongan dan membantu sektor perumahan koperasi ini mencapai matlamat di dalam Rancangan Malaysia Ketiga di dalam sektor perumahan low-cost?

**Dato' Haji Ramli bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, sektor perumahan dalam koperasi ini adalah tertakluk di bawah Akta Mengawal dan Melesen dan tidak tertakluk di bawah kawalan Kementerian saya. Koperasi-koperasi mempunyai Jabatan Koperasi dan juga koperasi boleh meneruskan rancangan-rancangan perumahan itu dengan bantuan Kerajaan-kerajaan Negeri dan Jabatan Koperasi.

**Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan ini sukacita sekiranya ada rakyat yang sulit dalam masalah rumah di negara ini mahu pindah ke satu negara yang lebih senang mendapat rumah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu pun luar daripada soalan asal.

**Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad:** Soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah memberi kepada kita tentang kadar pencapaian pelaksanaan pembinaan rumah-rumah kos murah iaitu kira-kira 20% oleh Kementerian dan kalau dihitungkan semuanya ialah 40%. Ini menunjukkan sebenarnya peratus kegagalan. Adakah Kerajaan mempunyai rancangan untuk menambahkan keupayaan bagi meningkatkan lagi kadar ini supaya peruntukan-peruntukan yang telah diperuntukkan itu dibelanjakan sepenuhnya.

**Dato' Haji Ramli bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya menafikan kegagalan rancangan perumahan dalam negara kita. Itulah sebabnya Kerajaan berpendapat bahawa dengan jumlah peruntukan-peruntukan yang telah saya jawabkan tadi yang jumlah bilangan yunit-yunit yang sekian ratus ribu yang saya telah jawabkan tadi. Inilah langkah-langkah di masa akan datang bagi membanyakkan rumah-rumah terutama rumah-rumah awam kos rendah. Barangkali Yang Berhormat tidak dengar betul-betul apa yang telah saya jawab soalan yang asal tadi. Kalau dengar betul-betul harus tidak timbul soalan ini.

**Tuan Lee Lam Thye:** Saya hendak bertanya sama ada menjadi dasar Kerajaan untuk melaksanakan konsep demokrasi pemilikan rumah dan jika ada saya suka mendapat tahu sejauh mana dasar perumahan yang diamalkan oleh Kerajaan sekarang telah mencapai objektifnya.

**Dato' Haji Ramli bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya faham "home owning democracy" sebagaimana yang disoal oleh Yang Berhormat tadi, sebagaimana saya katakan tadi jelas bagaimana kita janjikan dalam Manifesto Barisan Nasional terang dan kita akan diri dan Kerajaan sendiri sedar sebagaimana saya katakan tadi mendirikan banyak terutama rumah-rumah dengan harga yang boleh mampu dan layak dibeli oleh mereka yang berpendapatan rendah. Saya tahulah tentu DAP tidak membaca Manifesto Barisan Nasional.

**Tuan Mohd. Tajol Rosli in Mohamed Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau sedar bahawa kebanyakan

rumah-rumah murah yang hari ini didirikan di negara kita adalah dengan inisiatif Kerajaan tetapi kurang sekali rumah-rumah murah yang didirikan oleh pemaju-pemaju persendirian. Jadi soalan saya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada bercadang untuk menasihati kepada semua sekali Kerajaan-kerajaan Negeri supaya mengikut contoh Kerajaan Negeri Johor di mana tiap-tiap kawasan yang dimajukan sekurang-kurangnya 40% daripada rumah-rumah yang didirikan mestilah rumah kos rendah. Jadi soalan saya sama ada Kementerian bercadang untuk mengadakan kerjasama dengan Kerajaan-kerajaan Negeri atau mengadakan syarat sebelum lesen pemaju dikeluarkan supaya 40% daripada rumah-rumah yang didirikan mestilah rumah kos rendah.

**Dato' Haji Ramli bin Omar:** Bukan sahaja Kementerian saya dan Kerajaan bercadang bahkan sudahpun dilaksana iaitu di Negeri Johor, peruntukan \$15,000 di bawah 40% dan juga di Wilayah Persekutuan. Oleh itu ada dicadang untuk memberi nasihat kepada Kerajaan Negeri dan negeri-negeri pun ada mendapat sambutan bahawa negeri-negeri akan menubuhkan rancangan-rancangan perumahan awam kos rendah.

**Dr Hee Tien Lai:** Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar oleh kerana Johor adalah satu negeri yang meningkatkan syarat-syarat dasar perumahan, harga-harga rumah di Johor adalah tinggi daripada negeri-negeri lain kerana menurut satu kenyataan daripada satu syarikat perumahan bahawa oleh kerana pemaju perumahan terpaksa membina 15% perumahan itu untuk reserve bumiputra dan 30% untuk rumah kos rendah bahawa separuh kos untuk seluruh projek itu adalah satu gift di mana separuh kos itu telah dibiarkan untuk reserve bumiputra dan kos rendah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan tambahannya apa?

**Dr Hee Tien Lai:** Soalannya ialah dengan ini kos rumah adalah tinggi. Kalau ini benar adakah Kerajaan akan menegaskan lagi untuk meningkatkan syarat-syarat yang ditanyakan oleh Yang Berhormat dari Grik.

**Dato' Haji Ramli bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat saya rasa tentu faham mengikut Perlembagaan kita tanah dan

rumah adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri dan rumah ini bukanlah satu controlled item. Walaupun demikian saya telah katakan tadi iaitu tiap-tiap negeri yang mana hendak mendirikan rumah-rumah terutamanya swasta dan Kerajaan sendiri adalah kita nasihatkan supaya didirikan lebih banyak rumah-rumah yang harga rendah atau harga murah.

**Tuan Chan Teck Chan:** Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah baca Rancangan Malaysia Ketiga khasnya bab perumahan mengenai strategi perumahan. Jika ada baca adakah Yang Berhormat sedar bahawa harga kos rendah yang ditetapkan dalam Rancangan Malaysia Ketiga ialah \$7,000. Tadi Yang Berhormat ada kata di bawah \$25,000 adalah dianggap sebagai rumah kos rendah. Bolehkah Yang Berhormat memberitahu Dewan ini apakah sebabnya sudah berlaku satu perbezaan harga di antara \$7,000 yang ditetapkan oleh Rancangan Malaysia Ketiga dengan dasar Kerajaan sekarang iaitu di bawah harga \$25,000.

**Dato' Haji Ramli bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Yang Berhormat itu tidak baca Rancangan Malaysia Ketiga itu. Dia ada tulis di sana dan saya tolong betulkan pertanyaan Yang Berhormat itu, ia ada mengatakan "public housing programme" dan "private housing programme". Kalau dalam public sector itu harga rumah yang rendah, kalau dia mengatakan private sector itu dikatakan harga rumah yang \$25,000. Itulah saya katakan Yang Berhormat itu tidak baca langsung.

#### DISEL—KEKURANGAN

**7. Tuan Ting Chek Ming** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kekurangan disel di Semenanjung negeri ini adalah disebabkan oleh syarikat minyak yang dengan sengajanya mengurangkan kuota bulanan disel yang diberi kepada setesyen pam minyak dan jika demikian kalau Kementerian beliau dapat "pluck up its Dutch courage" untuk mengarahkan syarikat minyak yang pusatnya di luar negeri untuk melebihi keluaran disel dan apakah langkah positif beliau untuk menyelesaikan kekurangan ini selain daripada menubuhkan

setesyen pam minyak Petronas di beberapa kawasan kota yang tertentu tetapi tidak boleh menyelesaikan masalah kekurangan disel di seluruh negeri.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Abu Hassan bin Haji Omar):** Tuan Yang di-Pertua, soalan yang serupa telahpun dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian apabila beliau menjawab soalan daripada Ahli Yang Berhormat dari Keluang pada 17hb Oktober, 1979. Saya tidak ada apa-apa tambahan atas jawapan yang telah diberi itu.

**Tuan Lee Kaw:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah tidak ada tambahan daripada penerangan dulu, hendak bertanya juga lagi.

**Tuan Lee Kaw:** Saya hendak bertanya (*Ketawa*). Sebab beliau ada mention Ahli dari Keluang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Di dalam Peraturan Mesyuarat sesuatu pertanyaan yang sudah diberi jawapan penuh tidak boleh dibangkitkan lagi di dalam penggal ini—bukan di dalam mesyuarat, tetapi di dalam penggal.

#### TARIKH PUASA DAN HARI RAYA

**8. Tuan Lim Kiam Hoon** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada pertemuan antara negara-negara Islam, terutama anggota-anggota ASEAN bagi membincangkan cara-cara menentukan tarikh mula berpuasa dan hari raya itu telah diadakan, jika sudah, apakah hasilnya.

**Menteri Tak Berpotfolio (Dato' Haji Mohamed bin Nasir):** Tuan Yang di-Pertua, suka saya memberi jawapan kepada soalan Ahli Yang Berhormat itu, iaitu sebenarnya beberapa persidangan di antara negara-negara dan pakar-pakar Islam mengenai penetapan tarikh awal puasa dan hari raya telah diadakan pada masa yang lepas. Dalam mesyuarat yang telah diadakan di Jakarta, Indonesia pada bulan Julai 1978 di antara alim ulamak tiga negara ASEAN iaitu Malaysia, Indonesia dan Singapura, persetujuan telah dicapai untuk bekerjasama dan memberitahu antara satu sama lain mengenai penetapan tarikh-tarikh berpuasa dan

berhariraya negara masing-masing. Walau bagaimanapun, cara-cara penetapan tarikh-tarikh tersebut tidak dapat diselaraskan kerana masing-masing mengamalkan cara yang tersendiri, iaitu sama ada mengikut cara rukyah ataupun kiraan hisab. Adalah menjadi hak sesuatu negara untuk berpegang kepada cara penentuannya tersendiri. Menurut keputusan Majlis Raja-raja, Malaysia tetap berpegang kepada cara rukyah sementara negara-negara ASEAN yang lain mengamalkan penetapan cara kiraan hisab.

**Datuk Haji Abu Bakar bin Umar:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Tuan Lim Kiam Hoon ini bercadang hendak berpuasa sama (*Ketawa*) semacam mana kita orang Islam puasa, sebab itu dia menanyakan soalan ini. Soalan tambahan. (*Ketawa*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia tidak puasa tetapi hendak tahu ditentukan tarikh hari kelepasan. (*Ketawa*)

**Tuan Shaari bin Jusoh:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Sebagaimana jawapan oleh Menteri yang berkenaan tadi persefahaman telah ada di antara negara-negara jiran. Kalaulah persefahaman telah ada tidakkah boleh perkara itu disepakatkan walaupun negara kita Malaysia mengikut keputusan Majlis Raja-raja sedangkan kita tahu yang tiga negeri, khususnya Singapura dan Indonesia masa di antara satu dengan lain tidak berbeza sangat. Jadi bila yang satu sudah yakin buatlah kata sepakat. Tidak bolehkah ajak dia sepakat di atas perkara ini walaupun Raja-raja Ketua agama Islam?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri sudah jawab, macam mana hendak pakat kita pakai rukyah, orang pakai hisab (*Ketawa*). Adakah hendak jawab juga Yang Berhormat Menteri? Ada jawapan atau hendak tambah?

**Dato' Haji Mohamed bin Nasir:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut Perlembagaan di negara kita Malaysia ini ada beberapa buah negeri yang mana Raja-raja itu ketua bagi agama dalam negeri masing-masing. Dan kalau Raja-raja itu sudah mengambil sikapnya sendiri untuk menetapkan hari raya ataupun mulai berpuasa terpulangnya kepada hak Raja-raja itu sendiri.

**Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Masalah perbezaan yang jauh di antara negara ini dengan negara-negara yang lain mengenai hari raya dan juga mulai puasa ini disebabkan oleh kerana kita di Malaysia ini melihat anak bulan akhir daripada negeri-negeri Islam yang lain yang juga menggunakan rukyah. Jadi adakah Menteri berkenaan sedar tentang perkara ini dan adakah langkah-langkah telah diambil untuk menentukan tarikh melihat anak bulan itu supaya diselaraskan dengan negara-negara Islam yang lain?

**Dato' Haji Mohamed bin Nasir:** Tuan Yang di-Pertua, sepertimana saya katakan tadi iaitu soal agama ini adalah terpulung kepada negeri masing-masing. Tetapi walau bagaimanapun, usaha-usaha sedang atau telah dijalankan mengenai hendak menyelaraskan untuk menetapkan hari berpuasa ataupun bulan puasa dan juga hari raya oleh negara kita ini.

**Tuan Shamsuri bin Md. Salleh:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Dalam penerangan dan penjelasan Yang Berhormat Menteri tadi menyatakan bahawa Majlis Raja-raja telah menetapkan cara rukyah atau melihat anak bulan itu dijadikan panduan menetapkan puasa dan hari raya. Tetapi dalam seminggu dua ini kita mendengar dari siaran Televisyen iaitu di dalam menetapkan Hari Raya Haji atau Aidil Adha kita berpandu kepada penetapan hari Wukuf di Mekah dan Hari Raya Hajinya adalah sehari selepas Wukuf. Ini bagaimana pula dan apakah dasar yang diambil untuk menetapkan Hari Raya Haji dan apakah dengan cara hisab ataupun rukyah ataupun berdasar ketetapan yang dibuat oleh Kerajaan Saudi?

**Dato' Haji Mohamed bin Nasir:** Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kepada kedudukan Umat Islam yang menunaikan fardhu haji yang ada berkenaan dengan negeri-negeri Islam di dalam dunia ini, Kerajaan kita Malaysia akan mengikut apa keputusan yang telah dibuat oleh Kerajaan Saudi. Ini untuk mengelakkan daripada beberapa implikasi yang boleh menimbulkan kesulitan kepada negara-negara Islam.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak salah ingatan saya perselisihan tarikh mulai puasa telahpun berlaku di zaman Rasulullah di antara negeri Syam dan

Madinah. Dan soalan ini tidak diperbesar-kan dan ini sudah merupakan satu sunnah yang berlaku di dalam menetapkan hari raya ataupun hari berpuasa di dalam ugama Islam kita ini.

**Tuan Shaari bin Jusoh:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah, tahun depan pula tengok anak bulan (*Ketawa*).

### TEKNOLOGI PADI

9. **Tuan Oo Gin Sun** minta Menteri Pertanian menyatakan oleh kerana di per- sidangan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Sains dan Teknologi (UNCTAD) di Vietnam baru-baru ini, telah dilaporkan bahawa Korea Selatan bukan sahaja dapat menjaya-kan pengeluaran beras yang cukup semenjak tahun 1975 bahkan telah juga berjaya men- dapat hasil tanaman yang tinggi sekali di dalam dunia dengan mempunyai cuma 23% (dua puluh tiga peratus) luas tanah negar- nya untuk tanaman. Adakah beliau akan mengambil tindakan menghantar pegawai- pegawai MADA ke Korea Selatan untuk mempelajari teknologi seumpama itu bagi merevolusikan ekonomi luar bandar kita.

**Timbalan Menteri Pertanian (Datuk Haji Zakaria bin Abdul Rahman):** Tuan Yang di Pertua, sukacita saya memaklumkan bahawa satu rancangan telahpun disediakan di bawah Projek Muda II untuk pegawai- pegawai MADA mengikuti pelbagai latihan yang berkenaan dan mengadakan lawatan sambil belajar bagi memperluas dan mem- perdalamkan pengetahuan mereka dalam bidang teknologi padi, bukan sahaja ke Korea Selatan tetapi juga ke lain-lain negara seperti Filipina, Indonesia, Jepun dan lain-lain lagi.

**Tuan Hussein bin Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sekejap tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyata- kan langkah-langkah telah diambil supaya pegawai-pegawai dari MADA diberi kursus di luar negeri. Saya ingin tahu samada kemudahan-kemudahan tersebut hendak juga diberi kepada pegawai-pegawai dalam KADA?

**Datuk Haji Zakaria bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua saya memberi jawapan kepada rancangan yang dijalankan oleh MADA kerana soalan ini berhubung dengan

MADA. Tetapi sukacita juga saya menyata- kan bahawa rancangan-rancangan yang sama ada kemudahan-kemudahan yang sama juga dijalankan oleh KADA.

**Datuk Haji Abu Bakar bin Umar:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian bersetuju dengan saya bahawa masalah hasil pertanian di MADA sudah sampai pencapaian yang amat tinggi. Tetapi soal petani-petani di MADA ini tidak dapat menikmati pencapaian hasil itu oleh kerana berlaku seperti hujan lebat dan sebagainya di waktu hasil itu hendak dituaikan.

**Datuk Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, saya ber- setuju dengan pandangan Ahli Yang Ber- hormat itu atas perkara yang betul, tetapi saya tidak bersetuju atas perkara yang tidak betul, oleh sebab perkara ini saya telahpun memberi jawapan kepada soalan yang ber- kenaan berhubung dengan masalah ke- kurangan buruh untuk menuai padi dalam sehari dua yang lalu.

### BILIK DARJAH DI SEKOLAH RENDAH KIM SENG

10. **Tuan Fung Ket Wing** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau sedar bahawa kekurangan bilik darjah di SRJK (China) Kim Seng di Bukit Mertajam telah mengakibatkan lebih dari 170 orang kanak-kanak tidak mendapat tempat-tempat di sekolah itu pada tahun 1980, jika ya, apakah langkah-langkah ber- kesan yang akan diambil untuk menentukan bahawa kanak-kanak dapat dimasukkan ke sekolah mengikut pilihan ibu bapa mereka.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun):** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak nampak bahawa kekurangan bilik darjah di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (China) Kim Seng di Bukit Mertajam boleh menyebabkan lebih dari 170 orang kanak-kanak tidak boleh mendapat tempat belajar pada tahun 1980; kerana masih terdapat beberapa buah sekolah-sekolah lain yang berhampiran yang boleh menampung keper- luan tempat belajar bagi kanak-kanak tersebut.

## HOSPITAL DAERAH TUMPAT

**11. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad** minta Menteri Kesihatan menyatakan samada pembinaan Hospital Daerah Tumpat akan dapat disiapkan dalam tahun 1981 seperti yang dijadualkan dan samada beliau berpuas hati tentang kemajuan yang dicapai setakat ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Tuan Jawan anak Empaling):** Tuan Yang di-Pertua, hospital baharu bagi Daerah Tumpat akan dapat disiapkan dalam tahun 1982. Pada masa ini pelan-pelan teratur telahpun selesai dan pelan-pelan struktur untuk kerja-kerja asas sedang disiapkan. Adalah dijangka bahawa tender untuk pembinaan hospital tersebut akan dapat ditawarkan menjelang awal tahun 1978.

## PEKERJA-PEKERJA KERETAPI BUKIT BANGSAR

**12. Tuan Chan Teck Chan** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah beliau sedar bahawa pekerja-pekerja keretapi di Bukit Bangsar dan Sentul masih lagi tinggal di rumah-rumah yang direka di zaman penjajah tanpa menimbangkan langsung nyawa manusia dan rumah-rumah itu tinggal sebagai suatu pandangan yang buruk. Selepas 22 tahun Merdeka, adakah Menteri yang berkenaan akan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk menggantikan rumah ini dengan rumah yang moden sejajar dengan definasi pembentukan perumahan yang moden.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff):** Tuan Yang di-Pertua, Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu memang sedar bahawa kebanyakan rumah-rumah kakitangan-kakitangan Keretapi adalah tidak memuaskan bukan sahaja di kawasan Bukit Bangsar dan Sentul bahkan di seluruh rangkaian keretapi. Seperti yang dimaklum di dalam Dewan ini di masa-masa lalu tindakan telah dan sedang diambil oleh Keretapi Tanah Melayu secara berperingkat-peringkat mengikut keupayaan kewangan untuk mengubahsuai dan membina rumah-rumah baharu untuk pekerja-pekerja. Rumah-rumah baharu itu mengandungi dua bilik tidur, satu bilik dapur, satu ruang tempat makan, satu ruang rihat dan bilik mandi dengan tandas yang berasingan.

**Dr Tan Tiong Hong:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan, adakah beliau sedar atau tidak Jabatan Keretapi telah mengumumkan mereka hendak mengadakan satu rancangan, khasnya di Sentul membina rumah-rumah baharu untuk pekerja-pekerja di sana pada tahun 1975 dan sampai sekarang tidak ada langkah-langkah yang sesuai diambil untuk mencapai objektif itu?

**Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff:** Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa perkara yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tetapi oleh kerana Keretapi Tanah Melayu menghadapi berbagai-bagai masalah, bukan sahaja pada masa-masa yang lepas Keretapi Tanah Melayu menghadapi keadaan kemelesetan kewangannya, tetapi juga pihak Keretapi menghadapi masalah mendapatkan tanah yang lebih sesuai bagi mendirikan bangunan rumah pekerja-pekerja di kawasan Sentul itu. Selain daripada itu, perbezaan-perbezaan pendapat bagaimana cara pembinaan itu harus dibuat. Tetapi bagaimanapun, suka saya menyatakan kepada Ahli Yang Berhormat itu perkara ini telahpun diselesaikan dan pelan bagi rancangan pembinaan flat untuk kediaman kakitangan Keretapi di Sentul itu telahpun dikemukakan kepada pihak Bandaraya untuk mendapatkan kelulusan pihak Bandaraya.

**Tuan P. Patto:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada berkata bahawa masalah yang dihadapi oleh Keretapi Tanah Melayu tentang pembinaan rumah-rumah adalah kewangan, satu daripadanya. Saya ingin tahu samada pihak Keretapi Tanah Melayu ataupun pihak Kementerian Pengangkutan pernah meminta bantuan daripada Perbadanan-perbadanan Kerajaan Negeri, umpamanya PKNS di sini ataupun di Perak untuk membantu dalam pembinaan rumah bagi pekerja-pekerjanya. Sekiranya Keretapi Tanah Melayu tidak mempunyai wang adakah Kementerian meminta Kerajaan Negeri atau perbadanan-perbadanan untuk membantu pembinaan. Dan adakah . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Banyak sangat dan panjang—meleret-leret.

**Tuan P. Patto:** Satu lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah. Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff:** Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah ini saya sukalah menjelaskan bahawa bukan tidak ada percubaan-percubaan pihak Keretapi merundingkan dengan pihak Perbadanan-perbadanan Kerajaan yang lain seperti UDA ataupun Perbadanan Kemajuan Negeri tetapi masalah yang dihadapi ialah masalah mengenai peraturan tentang kepunyaan tanah yang diserahkan kepada Keretapi itu tidaklah semua dapat dibina bagi kegunaan rumah-rumah kediaman. Walau bagaimanapun, bagi usaha-usaha yang lain memang ada pihak Keretapi berunding dengan pihak Perbadanan-perbadanan Kerajaan yang lain dalam usaha pembinaan selain daripada rumah kediaman.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 13 hingga 15 adalah diberi di bawah ini).*

### SUBSIDI KEPADA NELAYAN/ PELADANG

**13. Datuk Haji Abu Bakar bin Umar** minta Menteri Pertanian menyatakan jumlah wang rakyat yang telah digunakan dalam bentuk subsidi kepada nelayan-nelayan dan peladang-peladang dan sebagainya kepada rakyat Kuala Besut semasa kempen pilihanraya kecil bagi kawasan tersebut.

**Datuk Haji Zakaria bin Abdul Rahman:** Subsidi-subsidi yang telah diberi kepada nelayan-nelayan dan peladang-peladang Kuala Besut dari awal tahun 1979 sehingga bulan Julai bernilai \$34,317.12. Subsidi yang diberikan itu adalah sebahagian dari rancangan subsidi nelayan Kementerian ini. Wang yang dibelanjakan adalah sebahagian dari peruntukan tahunan 1979 dari jabatan-jabatan berkenaan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Subsidi seumpama itu adalah merupakan bantuan yang telah sedia ada untuk meninggikan pendapatan dan taraf hidup petani dan nelayan bukan sahaja di Kuala Besut tetapi juga kepada semua petani-petani dan nelayan-nelayan di negara ini.

### HARGA DAGING LEMBU

**14. Tuan Haji Yusof bin Malim Kuning** minta Menteri Pertanian menyatakan adakah Kementerian beliau sedar bahawa harga daging lembu di setengah-setengah negeri di Malaysia meningkat ke \$4.80 sekati dalam masa perayaan yang lepas, sedangkan harga di pasaran Kuala Lumpur hanya \$3.60 sekati jika sedar, apakah tindakan Kementerian beliau telah ambil bagi mengurangkan perbezaan yang begitu banyak.

**Datuk Haji Zakaria bin Abdul Rahman:** Ya, Kerajaan sedar bahawa harga daging lembu di setengah-setengah negeri di Malaysia lebih tinggi dari di pasaran Kuala Lumpur. Ini adalah disebabkan MAJUTERNAK telah lama melibatkan diri di dalam pemasaran daging di kawasan Kuala Lumpur iaitu sejak rumah sembelih di Shah Alam menjalankan operasinya pada tahun 1973.

Untuk menjamin supaya harga daging lembu tidak melambung terlalu tinggi, Kerajaan akan memastikan bekalan lembu-lembu ke negeri-negeri tersebut mencukupi mengikut kadar permintaan.

Kerajaan juga sedang mengambil tindakan untuk melesenkan semua pengedar-pengedar daging termasuklah peruncit-peruncit dan pemborong dengan tujuan untuk membolehkan MAJUTERNAK mengawal pengedaran-pengedaran daging serta juga penetapan harga.

### DASAR ASEAN TERHADAP PELARIAN INDO-CHINA

**15. Tuan V. David** minta Menteri Luar Negeri menyatakan samada semua negara ASEAN telah mencapai persetujuan tentang masalah orang pelarian dan jika sudah, apakah polisi ASEAN terhadap pelarian dari Indo-China.

**Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj:** Negara-negara ASEAN telah menyuarakan kebimbangan di Mesyuarat Para Menteri Luar ASEAN yang ke 12 pada 28-30 Jun yang lalu di Bali bahawa masalah orang-orang pelarian Indo-China telah menimbulkan masalah-masalah politik, sosio-ekonomi dan keselamatan yang berat kepada semua

negara-negara ASEAN dan akan mengancam kestabilan rantau ini. Para Menteri Luar ASEAN tegas dan sebulat suara mengambil sikap yang demikian terhadap akibat dan ancaman kepada ASEAN daripada masalah orang-orang pelarian Indo-China itu. Lanjutan daripada itu, Menteri-menteri berkenaan telah bersetuju mengambil langkah-langkah yang tegas dan berkesan untuk menghalang kemasukan selanjutnya orang-orang pelarian Indo-China.

Matlamat utama dasar ASEAN mengenai pelarian-pelarian Indo-China ialah untuk mengelakkan masalah saki-baki. Negara-negara ASEAN telah bersama berpegang kepada matlamat dasar ini di mesyuarat tentang orang-orang pelarian yang telah diadakan di Geneva tanggal 20 dan 21 Julai di bawah anjuran Setiausaha Agong, Bangsa-bangsa Bersatu. Negara-negara ASEAN telah membantu dan terus membantu satu sama lain untuk meringankan tekanan-tekanan yang telah disebabkan oleh masalah orang-orang pelarian Indo-China melalui penubuhan pusat-pusat memproses orang-orang pelarian Indo-China di Indonesia dan Filipina.

Selain daripada itu, adalah menjadi dasar ASEAN juga untuk meyakinkan Vietnam sebagai negara berpuncunya masalah ini, supaya menahan pemergian rakyatnya secara haram dan supaya ia bekerjasama dengan UNHCR untuk memperluaskan lagi rancangan 7-perkara untuk mengaturkan pemergian rakyatnya yang ingin tinggal Vietnam secara selamat dan teratur.

Selanjutnya di mesyuarat tidak resmi Menteri-menteri Luar ASEAN di Kuala Lumpur pada 16hb Ogos, negara-negara ASEAN telah menekankan bahawa masalah orang-orang pelarian darat dari Kampuchea ke Thailand telah tidak diberi perhatian sewajarnya di mesyuarat Geneva tersebut. Negara-negara ASEAN berasa bahawa akhirnya masalah ini patut diselesaikan di puncunya dan penyelesaiannya bergantung kepada penyelesaian politik untuk pertikaian di Kampuchea. Dengan sebab itulah maka negara-negara ASEAN sedang berusaha sama supaya masalah pertikaian di Kampuchea itu dibentangkan di Perhimpunan Agong Bangsa-bangsa Bersatu yang sedang bersidang untuk mencari jalan penyelesaian.

## RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

### RANG UNDANG-UNDANG DAGANGAN KOMODITI

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi mengadakan peruntukan mengenai penubuhan satu Bursa Komoditi, bagi mengawal Perdagangan Kontrak Serahan Hadapan Komoditi dan bagi mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dan yang bersampingan dengannya, dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Perusahaan Utama; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

### RANG UNDANG-UNDANG

#### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1980

##### Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (24hb Oktober, 1979).

#### DAN

#### USUL

#### ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1980

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatan-kuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan, 1966 membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada \$9,856,562,316 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1980, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah "Maksud Pembangunan" atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1980 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 24 tahun 1979, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut." (24hb Oktober, 1979).

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya menjemput Ahli Yang Berhormat dari Kepong untuk menyambung ucapannya pada petang semalam, saya suka menarik perhatian perkara yang saya telah umumkan iaitu menghadkan mulai pada hari ini tiap-tiap seorang Ahli bercakap 40 minit sahaja. Akan tetapi oleh sebab dalam senarai yang saya catit di sini masih belum begitu banyak Ahli-ahli Yang Berhormat yang berminat hendak bercakap, saya belum melaksanakan keputusan iaitu menghadkan Ahli-ahli Yang Berhormat bercakap pada minggu ini, tetapi akan saya mulakan pada minggu depan. Walau bagaimanapun, kalau sekiranya Ahli-ahli Yang Berhormat menyel Leweng jauh sangat keluar daripada perkara yang dibincangkan iaitu menurut Peraturan Mesyuarat 36 (1), saya dan Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua akan menahan Ahli Yang Berhormat daripada meneruskan ucapan seumpama itu.

Sekarang, saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Kepong.

*3.40 ptg.*

**Dr Tan Tiong Hong (Kepong):** Tuan Yang di-Pertua, semalam saya telah mengucapkan tahniah kepada Kerajaan untuk mengadakan cara mendapat kerjasama dari sektor perindustrian dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru dan semalam juga saya telah memberitahu cara ini akan mendapat balasan yang positif daripada rakyat jelata dan juga dengan cara ini saya yakin kita akan dapat mencapai matlamat-matlamat Dasar Ekonomi Baru lebih awal daripada tahun 1990. Bagaimanapun, galakan untuk firma-firma yang mempunyai modal lebih dari \$1 juta bagi menyusun semula ekuiti secara memberi 5% rebate dalam cukai syarikat tidak akan menghasilkan minat kerana perasaan sekarang adalah bahawa penyusunan telah dibuat dalam kek ekonomi yang sama, bukan melalui proses di mana kek ekonomi diperbesar.

Tuan Yang di-Pertua, saya cadangkan Kerajaan melihat tentang kemungkinan memberi skim-skim yang lebih berani dengan cara tawaran package deal kepada pelabur-pelabur, terutama pelabur-pelabur tempatan, dorongan cukai yang lebih baik dan pertolongan dalam hal perhubungan dengan Jabatan-jabatan Kerajaan untuk mengimbang atau memulakan projek-projek baru

yang termasuk dalam Dasar Ekonomi Baru. Saya sedar tentang kesulitan-kesulitan dan frastasi yang dihadapi oleh pelabur-pelabur tempatan dan asing dalam hal perhubungan dengan birokrasi berkenaan perkara-perkara seperti permohonan tanah, bergadai kuasa dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, sektor perniagaan sebagai satu sektor yang sungguh sensitif biasanya tidak akan menyuarakan kesulitan-kesulitan atau penderitaan secara terbuka kerana takut mendapat lebih masalah nanti dengan birokrasi, maka pelabur-pelabur kerap menderita dalam kesulitan. Jadi saya merayu Kerajaan untuk memperbaiki keadaan ini dan mencari apa-apa jalan untuk memperoleh semula kepercayaan sektor persendirian (private sector).

Tuan Yang di-Pertua, sekarang pula saya ingin menghuraikan faedah-faedah yang akan dapat dinikmati oleh golongan kaya yang sebenarnya menjadi nadi kepada pertumbuhan ekonomi negara kita. Elaun susutan dipercepatkan serta elaun pelaburan semula akan menjamin peningkatan pelaburan di negara kita. Langkah ini akan juga meringankan kerja Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan juga merangkap Menteri Perdagangan dan Perindustrian yang kini sedang giat di luar negeri menarik pelabur-pelabur asing ke Malaysia. Pengurangan beban cukai pendapatan ke atas pendapatan dari \$50,000 hingga \$100,000 akan mendorong tenaga kuasa otak (brain-power) seperti executive syarikat atasan dan pegawai tinggi Kerajaan untuk bekerja lebih kuat lagi untuk menjamin pertumbuhan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai sebuah negara yang sedang maju dengan pesatnya bilangan orang-orang yang berpendapatan rendah telah bertambah sehingga mencapai satu taraf interest group. Saya bergembira orang-orang ini telah diberi faedah pada tempat yang tepat iaitu perubahan struktur cukai pendapatan yang akan menambahkan kuasa membeli mereka. Faedah-faedah kenaikan jumlah pelepasan pembayar cukai serta kenaikan elaun-elaun anak-anak yang belajar di luar negeri telah diberi pada masa yang tepat, iaitu apabila golongan ini sedang mengalami masalah menanggung kos pelajaran luar negeri yang kian meningkat, malangnya ramai orang masih belum jelas

dan ragu-ragu tentang perubahan yang sebenarnya. Saya harap Kerajaan akan memberi penjelasan selanjutnya melalui contoh-contoh yang terang.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengemukakan beberapa bahagian yang saya rasa agak kontroversial sehingga berselisih dengan tujuan utama Belanjawan untuk menolong golongan yang berpendapatan rendah. Saya ingin menyuarakan bahawa peruntukan pembangunan untuk mencapai strategi pembasmian kemiskinan tak cukup menyeluruh sehingga orang miskin di bandar terasa mereka diabaikan oleh Kerajaan. Peruntukan Pembangunan nampaknya berat ke kawasan luar bandar. Saya rasa sudah sampai masanya untuk Kerajaan sedar bahawa banyak kemiskinan luar bandar telah berpindah ke bandar melalui proses imigrasi rural urban shift. Imigrasi ini pula disebabkan tertumpunya pula industri-industri di bandar yang memerlukan atau bergantung kepada orang miskin tadi, malangnya orang-orang yang produktif ini tidak mendapat keperluan asas seperti jalanraya, bekalan air, bekalan elektrik dan perkhidmatan kesihatan, tambahan pula mereka terpaksa menghadapi masalah kos penghidupan yang tinggi di bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya, adakah seorang Melayu luar bandar dianggap seorang yang sudah kaya sebaik sahaja dia berpindah ke bandar?

Kenaikan cukai jalan ke atas kereta-kereta persendirian yang menggunakan disel akan memberi kesan buruk kepada satu lagi golongan miskin. Peniaga-peniaga kecil yang berkecimpung dalam sektor pengedaran barang-barang dan perkhidmatan sangatlah bergantung kepada kos pengangkutan yang rendah untuk bersaing dengan syarikat-syarikat yang besar. Saya ingin merayu Kerajaan untuk mempertimbangkan kemungkinan untuk mengecualikan golongan ini dari perubahan cukai jalan tersebut.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang sektor pembinaan di mana ada cadangan untuk melanjutkan tempoh pembayaran balik pinjaman perumahan bagi faedah orang yang berpendapatan rendah yang tidak mampu membeli rumah kerana harga kian melambung tinggi. Harga pasaran rumah bergantung kepada kos-kos permintaan dan penawaran rumah. Kini harga melambung tinggi kerana ramai orang yang hendak membeli tetapi penawaran

rumah sangat-sangatlah berkurangan. Saya takut cadangan perlanjutan tempoh pembayaran akan menarik ramai bakal-bakal pembeli sehingga harga rumah akan terus melambung lagi, tambahan pula kos bunga bagi pinjaman bank akan bertambah dan ini terpaksa ditanggung oleh si miskin nanti. Juga, orang-orang yang bercadang membeli rumah selepas berpenecen tidak akan layak sebab bank-bank tidak akan percaya mereka ini boleh tahan hidup 25 tahun lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya cadangkan Kerajaan cuba menyelesaikan masalah ini di sektor penawaran rumah. Kalau kita berjaya untuk membina lebih banyak rumah-rumah, harga pasaran rumah tidak akan naik begitu tinggi sekali. Untuk menyelesaikan masalah kekurangan rumah saya ada beberapa cadangan. Kerajaan harus mengkaji masalah kelewatan dalam proses kelulusan perkara-perkara seperti pembahagian lot tanah dan sebagainya yang boleh memakan masa bertahun-tahun. Kerajaan harus mencari jalan untuk mencegah kegiatan-kegiatan orang kaya yang membeli rumah bukan untuk perlindungan tetapi untuk mencari keuntungan.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan juga harus mengkaji kemungkinan untuk memperolehi tabungan dari Kumpulanwang Sekerja dan juga dari SOCSO bagi membantu membiayai pinjaman orang-orang yang berpendapatan rendah terutama orang-orang yang hanya mampu membeli rumah selepas penecen. Dengan ini saya menyokong Belanjawan tahun 1980 ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh.

3.51 ptg.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad (Pasir Puteh):** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan, 1980 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan berdasarkan bahawa ekonomi Malaysia telah terus maju, walaupun dunia sekarang ini dalam keadaan ekonomi yang lembab dan sistem kewangan yang susut. Ini juga telah membuktikan kepada kita kematangan Kerajaan bagi melaksanakan dasar-dasar sosioekonominya yang baik dan lebih praktikal yang dianggarkan bahawa Kerajaan akan mencapai pertumbuhan ekonominya dalam kadar 8% setahun dan angka-angka ini telah dikekalkan semenjak tahun 1976 lagi. Ini ada-

lah mengkagumkan kita bahkan dunia dengan keupayaan negara kita yang sedang membangun ini dapat mencapai ke angka yang begitu baik. Begitu jugalah kadar inflasi yang dapat dikurangkan 4% semenjak tahun 1976 lagi. Dengan ini menjadikan kewangan negara kita lebih stabil dan lebih kukuh lagi.

Tuan Yang di-Pertua, pengecualian cukai perseorangan dari \$2,000 kepada \$5,000 dan juga daripada \$1,000 kepada \$2,000 untuk isteri telah disambut baik oleh rakyat dan juga masyarakat. Walaupun wakil dari Petaling telah beria-ia benar mengatakan pengecualian cukai ini dilakukan kerana desakan daripada DAP di Dewan yang mulia ini, tetapi nampaknya apa yang dilakukan itu seolah-olah seperti lembu punya susu sapi punya nama.

Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan tidak akan mengurangkan sesen pun cukai atau apa sahaja yang diminta oleh DAP di dalam Dewan yang mulia ini, tetapi sebaliknya apa yang dilakukan oleh pihak Menteri Kewangan itu merupakan desakan-desakan yang tidak berhenti-henti daripada pihak pertubuhan UMNO di dalam perhimpunan agungnya, di cawangannya, cadangan-cadangannya dan juga di Dewan ini juga telah disuarakan beberapa kali, adakah pihak DAP mendengar, telah beberapa kali dikemukakan di dalam Dewan ini oleh back-benchers yang ada di sini dalam soal tambahan tentang pengecualian cukai yang diadakan ini. Jadi, pengecualian cukai perseorangan ini adalah merupakan satu pertumbuhan ekonomi yang mengizinkan Kerajaan berbuat demikian.

Tuan Yang di-Pertua, penurunan cukai jalan 50% kepada teksi telah diberi sambutan baik dan benar-benar menolong kepada drebar-drebar teksi yang hendak mencari makan yang mereka itu kesemuanya tergolong daripada orang-orang miskin. Cuma masih ada teksi-teksi ini dimiliki oleh taukeh-taukeh atau orang-orang kaya yang menjadikan drebar itu sebagai kulinya. Oleh itu, saya meminta pihak Kementerian yang berkenaan bertindak segera sebagaimana kenyataan yang dikeluarkan oleh Kementerian Perusahaan Awam supaya semua lesen-lesen itu dipandu sendiri oleh tuanpunya teksi itu dan tidak diberi kepada orang-orang lain atau tidak diberi kepada taukeh-taukeh yang telahpun kaya.

Begitu juga daripada duti eksport getah. Ini juga bukan sahaja boleh menguntungkan pekebun-pekebun kecil tetapi juga boleh me-

nyekat daripada eksport getah ini diseludupkan ke negara-negara jiran kita kerana selama ini duti eksport getah yang diadakan oleh negara kita ini adalah lebih tinggi daripada duti eksport bagi negara-negara jiran misalnya Thailand kerana sebagaimana yang kita tahu lebih 150 ribu pikul setahun getah-getah ini telah diseludupkan ke negara Thailand dan kira-kira \$30 juta lebih setahun duti eksport getah tidak dapat dipungut.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga menyebut tentang bank-bank perdagangan. Kegiatan bank perdagangan telah berkembang dengan kadar yang pesat dalam enam bulan tahun 1979. Ini mencerminkan galakan perdagangan yang memuaskan oleh kenaikan di dalam kuantiti dan juga harga bagi kebanyakan eksport barangan utama Malaysia dan juga pelaksanaan dasar kewangan yang lebih mudah semenjak tahun 1975 lagi. Keadaan seperti ini telah dinikmati oleh semua bank-bank perdagangan termasuk bank-bank perdagangan asing luar negeri yang ada dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, bank-bank perdagangan asing telah disyaratkan oleh Bank Negara supaya sekurang-kurangnya 20% cadangan pinjamannya itu mesti diberi kepada bumiputra. Sekiranya tidak diberi pinjaman itu kepada bumiputra maka pihak bank itu akan dikenakan penalti. Tetapi kita dapati—bukan semua (cuma kita berterima kasih kepada bank-bank yang telah mengikut syarat ini dan telahpun melebihi daripada target 20%) tetapi masih terdapat bank-bank asing ini yang tidak mahu memberi pinjamannya kepada bumiputra sebagaimana kadar yang ditetapkan itu dan mereka ini sanggup pula membayar penaltinya. Ini merupakan satu penyelewengan terhadap pinjaman itu kepada bumiputra. Mereka itu lebih suka kalau wang-wang itu diberi kepada agensi-agensi Kerajaan atau syarikat-syarikat lain yang lebih besar daripada diberi kepada bumiputra. Penyelewengan ini hendaklah dipandang berat oleh Kerajaan demi untuk mencapai Dasar Ekonomi Baru. Oleh itu, saya mencadangkan supaya bank-bank perniagaan asing ini hendaklah menubuhkan bahagian-bahagian yunit bumiputranya di dalam bank tersebut bagi melaksanakan pinjaman-pinjaman ini dengan mudah kepada bumiputra dan sekurang-kurangnya dapat memenuhi syarat yang dikenakan oleh Bank Negara itu. Dengan penubuhan Yunit Bumiputra di bank-bank asing ini saya berharap

dapatlah bank ini menghabiskan pinjaman yang diperuntukan kepada bank tersebut kepada bumiputra.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita menyebut kemiskinan maka tergambar di kepala kita bahawa golongan itu adalah golongan bumiputra dan kita tergambar juga golongan itu berada di luar bandar terutamanya orang Melayu yang kehidupannya susah, berpenyakit, pakaiannya bopeng ataupun carik ceboer kata orang Kelantan, hidup tidak cukup makan, pelajarannya adalah amat mundur, kelengkapan dan peluang-peluang adalah kurang bagi golongan ini.

Kita tidak mahu seperti DAP yang hanya pandai menyebut kemiskinan tetapi masih mengungkit-ungkit dan tidak berpuashati apabila Kerajaan memberi keutamaan kepada golongan Bumiputra yang hampir 70% hidup di dalam keadaan kemiskinan. Adakah DAP sedar bahawa kemiskinan itu boleh mewujudkan berbagai-bagai corak manusia, kerana kemiskinan boleh menjadikan manusia itu sebagai pemberontak, boleh melahirkan manusia itu sebagai perompak, pencuri, pengganas dan juga sanggup melakukan apa sahaja asalkan perutnya yang kosong itu berisi?

Tuan Yang di-Pertua, apakah DAP ingat kekayaan golongan dari bukan Bumiputra atau kekayaan dari satu golongan sahaja dapat menjamin kekayaannya itu kekal kalau sekiranya orang Melayu di luar bandar dan golongan Bumiputra hidup dalam kesusahan dan kemiskinan? Jadi, janganlah pihak DAP memejamkan mata dan tidak mahu melihat dan berfikir sedalam-dalamnya kenyataan yang terdapat di dalam masyarakat kita sekarang, masyarakat majmuk yang hidup di dalam keadaan tidak seimbang selama-lamanya tetapi sebaliknya fikiran yang penuh dengan perkauman (chauvinism) yang hendak menekankan kaum Bumiputra.

Apakah DAP ingat orang Melayu atau Bumiputra akan sanggup mati kelaparan di dalam negerinya sendiri? Apakah orang Melayu hanya akan berputih mata?

Jawabnya, mereka itu akan tetap berputih tulang dan mereka tidak mahu menjadi hamba di negara tempat tumpah darahnya sendiri demi untuk kepentingan orang yang lebih mementingkan kepentingan politiknya dari segala-gala kepentingan lain. Mereka tidak kira apakah sesuatu yang dijalankan

itu boleh mencetuskan huru-hara atau mencetuskan kacau-bilau atau boleh mengorbankan nyawa atau harta-benda asalkan mereka itu dapat mencapai matlamat politiknya atau matlamat peribadinya.

Tuan Yang di-Pertua, DAP lebih banyak berputar-belit. Seperti kata pepatah: kalau kita jumpa DAP dengan ular, lebih baik kita pukul DAP dahulu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, bercakap sebagai perumpamaan boleh, tetapi tidak disebut perumpamaan itu. Jadi, ini sebagai perumpamaan sahaja, pukul-memukul tidak bolehlah!

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Perumpamaan sahaja. Dasar Ekonomi Baru hendak menghapuskan kemiskinan, hampir 70% Bumiputra berada dalam kemiskinan. Keutamaan telah diberikan kepada Bumiputra dalam segala perkara yang berkaitan dengan kegiatan ekonomi yang boleh dan akan mewujudkan perimbangan dalam ekonomi agar rakyat semua kaum menikmati hak dan kemewahan yang sama. Tetapi DAP selalu mengungkit-ungkit. Misalnya, dalam pemberian kadar yang lebih kepada Bumiputra bagi mencapai peluang pelajaran tinggi di universiti-universiti tempatan telah beberapa kali perkara ini dibangkitkan di dalam Dewan ini dan telah menjadi issue politik yang paling penting. Pemberian ini adalah untuk mengimbangkan kedudukan di dalam masyarakat berpelajaran tinggi yang tidak seimbang di dalam masyarakat sekarang ini supaya dapat mencari peluang yang sama dalam hidup dan kegiatan ekonomi. Selama ini orang Melayu dianiaya dan tidak dibela oleh pihak-pihak yang tertentu, kita terpaksa menekankan soal kepentingan Bumiputra kerana DAP selalu membangkit-bangkitkan dan mengungkit-ungkit keutamaan yang diberikan kepada Bumiputra, mereka hendaklah faham—selama Dasar Ekonomi Baru (DEB) berjalan sehingga sampai kepada satu tahap keutamaan ini diberikan kepada Bumiputra. Tetapi telah diungkit dengan hasrat untuk menggagalkan Dasar Ekonomi Baru yang dirancang oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kita sedia maklum dalam sebarang pertubuhan atau badan politik, kita tidak dapat lari daripada kepentingan kaum ataupun group interest yang lahir dari sanubari atau tiap-tiap individu kaum, tetapi kepentingan itu

dan kehendak daripada kumpulan itu hendaklah dibincangkan dalam satu kumpulan kaum itu sahaja untuk mencari satu keputusan yang tidak akan menyentuh hak kaum lain. Dengan satu matlamat bagi mencapai keselamatan, keamanan dan kemakmuran, maka penyelarasan interest kaum-kaum ini akan dibincangkan dan diadakan di peringkat tertinggi Barisan Nasional. Di sinilah wujudnya parti Barisan Nasional yang lebih sesuai dengan rakyat berbilang kaum agar segala tindak-tanduk bagi mencapai kepentingan kaum ini tidak akan terjejas atau menjejaskan kepentingan negara seluruhnya lebih-lebih lagi keselamatan, keamanan dan kemakmuran yang telah kita nikmati selama ini akan berlanjutan kekal abadi sehingga ke akhirnya.

Tuan Yang di-Pertua, DAP selalu mendakwa partinya berbilang kaum kerana ada campur hitam, putih dan kelabu di dalamnya dari segi objeknya sahaja, tetapi di dalam segi kepentingan berbilang kaum . . . .

**Tuan Chan Teck Chan:** Tuan Yang di-Pertua, ini sangat serius, lebih baik sebut nama kaum itu. Kalau beliau cuba membahagikan kaum Cina putih, kaum India hitam, ini adalah merupakan satu penghinaan terhadap satu-satu bangsa. Saya harap kenyataan itu di tarik balik.

(Tuan Timbalan Yang di-Pertua *mempergunakan Mesyuarat*)

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat (*Kepada Tuan Chan Teck Chan*), dalam perkara ini, saya hendak menegur sedikit, bila disebut putih tak ada penghinaan, hitam pun tidak ada penghinaan. Saya harap dalam perkara ini kita jangan emosi. Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh, teruskan.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, DAP ini selalu mendakwa partinya adalah berbilang kaum, kerana bercampur di antara putih, hitam, kelabu dan sebagainya. Itu dari segi objeknya tetapi tidak dari segi kepentingan berbilang kaum, kepentingan kaum bukan Bumiputra diutamakan; suara sumbang mengungkit-ungkit rancangan yang diperseujui dalam Barisan Nasional dan mengungkit-ungkit keutamaan yang diberi kepada Bumiputra dan juga Dasar Ekonomi Baru

untuk memberi keseimbangan kepada Bumiputra. Itu telah diungkit-ungkit kerana keutamaan yang diberi sekarang ini kepada Bumiputra ataupun kepada kaum Melayu telahpun dinikmati dan dirasai oleh golongan bukan Bumiputra sebelum daripada keutamaan itu diberi kepada Bumiputra sekarang ini. Jadi niat kami tidaklah jahat seperti niat setengah-setengah parti Pembangkang, baik DAP mahupun PAS yang mahu memperjuangkan satu kaum yang penuh dengan penipuan dan gambaran karut yang tidak benar dan bagi menyedapkan hati sahaja. Hakikatnya adalah untuk kepentingan diri dan permainan politiknya sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, DAP yang dilahirkan daripada PAP telah memainkan peranan perpecahan kaum dan diasaskan dari kaum Cina, tetapi India dan Melayu merupakan golongan minoriti dalam parti tersebut dan telah diperalat oleh pemimpin besar DAP yang mempunyai putar-belit yang licin dan lincih lebih daripada belut. Apakah parti politik yang berasaskan kaum minoriti akan memperjuangkan hak kaum majoriti dalam negara ini? Jawabnya jangan mimpi perkara ini akan berlaku. Dan apakah kaum minoriti akan meletakkan kepentingan dan memperjuangkan hak kaum majoriti Melayu di tempat yang sama di dalam segala kepentingan dan matlamatnya? Jawabnya jauh panggang daripada api yang perkara ini akan berlaku. Hanya parti yang berasaskan Bumiputra yang mempunyai majoriti dalam negara ini sahaja akan dapat menjaminkan tercapainya dengan seelok-eloknya dan dengan sebaik-baiknya segala yang dikehendaki; dan matlamat bagi negara ini. Walaupun tidak dapat memuaskan semua kaum ini telah terbukti Barisan Nasional telah menguasai negara ini selama 22 tahun. Apakah DAP ingat kaum Melayu telah puas dengan apa yang ada sekarang? Kerana golongan kami sedar sekiranya orang Melayu mendapat kepuasan seperti yang diperjuangkan oleh PAS . . . . .

**Tuan Chan Teck Chan:** (*Bangun*)

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, nanti sekejap!

**Tuan Chan Teck Chan:** Tuan Yang di-Pertua, adakah perkara DAP ini ada dalam ucapan Belanjawan yang dibentangkan oleh Menteri Kewangan kerana ini tidak ada kait berkaitan dengan isu belanjawan.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ini yang boleh ditegur mengikut peraturan, satu jikalau ucapan Ahli Yang Berhormat itu melanggar aturan peraturan yang ada dalam Buku Peraturan ini. Yang kedua, jikalau ada kemungkinan ataupun persetujuan Ahli yang bercakap itu untuk mengundur diri kalau tidak ada sebab-sebab itu, perbahasan terus dijalankan.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ulang sekali lagi apakah DAP ingat kaum Melayu telah berpuashati dengan apa yang ada sekarang, kerana golongan kami sedarlah sekiranya orang Melayu mendapat kepuasan seperti yang diperjuangkan oleh PAS, sudah tentu kaum Cina dan India tertindas dan tidak mendapat tempat di dalam Dewan ini. Sebaliknya sekiranya orang Cina dan India mendapat kepuasan seperti yang selalu disuarakan oleh DAP, sudah tentu orang Melayu ataupun kaum bumiputra akan tertindas di dalam negaranya sendiri.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, rasa saya memang sampailah masanya supaya Ahli Yang Berhormat menumpukan ucapan kepada perkara yang diperbahaskan iaitu ucapan belanjawan. Janganlah terlampau jauh sangat melencong kepada yang tidak berkaitan dengan belanjawan.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya di dalam ucapan belanjawan telahpun disebut soal perkauman agar meneguhkan belanjawan yang ada supaya tidak dibangkit-bangkitkan di dalam Dewan ini lagi.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Saya sudah mendengar ucapan Ahli Yang Berhormat dan saya tengok isi kandungannya sudah mula jauh sedikit daripada tajuk perbahasan petang ini. Jadi saya minta Ahli Yang Berhormat menghormati pandangan ini.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, apakah menunjukkan kaum yang tertindas demi untuk memuaskan hati dan nafsu orang yang tamak seperti DAP dan PAS itu boleh menjamin keselamatan dan keamanan, kemakmuran di dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, orang-orang bukan bumiputra telah dapat menikmati keselamatan, keamanan dan kemakmuran. Tetapi bumiputra hanya dapat menikmati keselamatan dan keamanan, mereka belum lagi dapat menikmati kemakmuran. Jadi kemakmuran sebagaimana yang dinikmati oleh golongan bukan bumiputra dan kalau ini diungkit-ungkitkan atau diperbesarkan, apakah orang Melayu atau kaum bumiputra tidak mempunyai otak atau tidak mahu berfikir untuk bertindak membuat tindakan sama sebagaimana yang dilakukan oleh mereka. Ini jangan cuba mereka itu bermain api kerana ini akan buruk padahnya.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh ucapan Ahli Yang Berhormat dari Baling yang merupakan wakil PAS yang begitu lantang dan cuba menuduh Kerajaan tanpa penelitian yang sewajarnya, bercakap berbelit-belit dengan perkataan yang indah dan sedap telinga mendengarnya, tetapi tidak memberi makna dan pengertian yang konkrit. Percakapan yang berputar-belit yang saya rasa orang yang bercakap itu sendiri tidak faham.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, percakapan putar-belit, berbelit-belit ini tolong kurangkan dan diberhentikan, sebab ini cuma pendapat-pendapat fikiran masing-masing. Jadi Dewan yang mulia ini dibenarkan untuk Ahli-ahlinya mengeluarkan fikirannya masing-masing, tetapi mengatakan ucapan orang itu "putar-belit", itu bahasanya terlampau kasar sedikit, kalau boleh dipotong.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Percakapan yang "berputar-belit" yang saya rasa orang yang bercakap itu tidak faham apa yang dikatanya. Katanya adalah untuk menyedapkan telinganya sahaja, pengertiannya adalah tidak memberi makna. Ini memang tabiat orang PAS yang berkempen atau bercakap di mana-mana sekali pun untuk "memutar-belit" dengan lidahnya yang lembut itu agar dapat mengabui mata dan pemikiran rakyat . . . .

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, seperti saya katakan "putar-belit" ini dihentikan, tolong menggunakan bahasa yang lebih elok sedikit.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, saya terkejut mendengar kritik Dasar Ekonomi Baru yang

disuarakan oleh orang yang saya agakkan mereka itu tidak dapat memahami dan membaca serta tidak mengerti tentang Dasar Ekonomi Baru sebenarnya atau mungkin juga mereka itu sengaja tidak mahu mengerti supaya dapat dipusing-pusingkan demi untuk kepentingan politiknya. Ini adalah dasar PAS yang suka memusing-memusingkan kenyataan sebagaimana mereka memutar-belitkan ayat-ayat Quran . . .

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat saya sudah katakan tadi kerap kali sangat "putar-belit" ini jangan digunakan dalam Parlimen.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Maaf, Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana beliau itu memusing-musingkan ayat Quran, ayat suci untuk memancing undi dan menjualkan ayat Quran dengan harga yang murah demi untuk kepentingan diri dan politik mereka.

Dasar Ekonomi Baru diwujudkan dengan matlamat membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat negara ini. Untuk mencapai matlamat tersebut, Kerajaan telah mengadakan perancangan Dasar Ekonomi Baru berperingkat-peringkat yang bermula dengan Rancangan Malaysia Pertama, Kedua, Ketiga dan seterusnya mencapai kepada matlamat (target date) pada tahun 1990. Orang-orang Barisan Nasional tidak pernah mengangap Dasar Ekonomi Baru sebagai keramat (mitos) sebagaimana orang PAS mempercayai dan mengangap Datuk Mohd. Asri dan perjuangan PAS yang tidak sampai ke mana-mana itu hanya penuh dengan khayalan kosong dan imegenasi yang tidak akan wujud di alam nyata ini dengan keupayaan yang ada kepada pemimpin PAS hari ini, kerana nafsu besar pemimpin PAS itu untuk mewujudkan satu pemerintahan yang ideal di dalam negara ini dan bercita-cita untuk menjadikan Kelantan sebagai serambi Mekah pada satu masa dahulu adalah seperti "Pungguk merindukan bulan" dan tidak akan sampai ke mana-mana, tetapi bulan yang ada pada PAS hari ini sudah tidak bercahaya dan bermaya lagi untuk menipu rakyat terutamanya kepada rakyat Kelantan.

Tuan Yang di-Pertua, apakah wakil tersebut tidak mahu membuka mata untuk melihat yang Dasar Ekonomi Baru itu telah disusun, dirancang dan dikaji dari masa ke

semasa, yang selalu diubah dan disesuaikan mengikut keadaan dan kenyataan yang ada. Saya tidak tahu sama ada wakil tersebut itu telah habis membaca Buku Rancangan Malaysia Pertama, Kedua dan Ketiga. Kalau beliau membaca dan memahaminya, beliau tidak akan menuduh yang bukan-bukan dan mendakwa Dasar Ekonomi Baru sebagai mitos.

Tuan Yang di-Pertua, wakil PAS itu tidak payah sangsi tentang kebenaran, keikhlasan dan kebersihan jalan yang dibawa oleh Barisan Nasional untuk mencapai matlamat bagi membasmi kemiskinan dan juga lunas-lunas keluhuran; adil dan saksama yang dilakukan oleh Kerajaan Barisan Nasional, kerana kesemua kesangsian wakil itu sekiranya melalui jalan yang salah, Kerajaan Barisan Nasional telah lama jatuh sebagaimana jatuhnya Kerajaan PAS di Kelantan, ini adalah satu kenyataan.

Tuan Yang di-Pertua, wakil dari Baling mengatakan Dasar Ekonomi Baru melahirkan jutawan bumiputra dan yang miskin makin bertambah miskin. Ini adalah nada lama yang telahpun lama dikaji dan disedari tentang adakah benar atau tidaknya anggapan itu. Kesimpulan kenyataan itu adalah kenyataan dari orang yang tidak bertanggungjawab yang cuba melemparkan tuduhan untuk menggagalkan Dasar Ekonomi Baru yang akan memberi keutamaan kepada bumiputra. Nada PAS ini adalah nada yang sama dengan DAP yang sentiasa mencaci Dasar Ekonomi Baru dengan hasrat Dasar Ekonomi Baru itu tidak akan mencapai matlamatnya.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Dasar Ekonomi Baru segala rancangan dan perancangan telah dilakukan untuk membasmi kemiskinan dan menambahkan pendapatan rakyat golongan yang tidak berada, tetapi Kerajaan Barisan Nasional tidak menyekat keupayaan rakyat yang akan berusaha dan mengumpulkan hartanya sebanyak-banyak yang terdaya kerana negara kita tidak mengamalkan Dasar Ekonomi Sosialis ataupun Komunis. Apakah Dasar Ekonomi Baru orang-orang PAS akan merampas harta-harta orang kaya dan jutawan-jutawan Cina serta menyekat segala kegiatan ekonomi orang-orang kaya itu? Kalau inilah dasarnya, negara Malaysia tidak akan berada sebagaimana kita berada pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, orang-orang PAS ini samalah dengan DAP tidak boleh melihat orang Melayu atau bumiputra kaya sedikit, diheboh-hebohkan mengatakan jutawan ataupun berbagai-bagai lagi. Saya ingin bertanya, berapa orangkah orang-orang Melayu yang telah menjadi jutawan di dalam negara ini? Berkali-kali Timbalan Perdana Menteri menyatakan tidak ada seorang pun orang Melayu dalam negara ini yang menjadi jutawan di Semenanjung Malaysia ini. Tetapi cuba buka mata pula, berapa orangkah bukan bumiputra menjadi jutawan dan kaya-raya di dalam negara ini? Mengapa PAS tidak mempersoalkan ini? Kerana PAS takut DAP akan marah kepadanya, bertentangan dengan perjuangan DAP yang hanya mahu melihat bumiputra ini hancur.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu sama ada Wakil dari Baling ini tahu orang-orang kaya di Kelantan. Kalau kejayaan Dasar Ekonomi Baru ini hendak dicontohkan kepada negeri Kelantan, mungkin terdapat orang-orang Melayu yang kaya, yang menjadi kaya kerana kayu balaknya kerana banyak orang-orang Melayu di Kelantan yang telah menjadi taukeh kayu balak, kerana 1.5 juta ekar tanah-tanah balak di Kelantan telah digadai atau dipajak ataupun dileasekan di dalam jangka masa di antara 15 hingga 40 tahun kepada 25 buah company. Ini bukan tuduhan tetapi semua kenyataan ini ada di dalam tangan saya. Kawasan yang luas sampai 100,000 ekar lebih akan diberi kepada taukeh-taukeh atau jutawan-jutawan Cina dan yang 40,000 ekar, 80,000 ekar akan diberi kepada pemimpin-pemimpin PAS dan orang-orang yang berjasa dengan PAS. Ini telah pun diberi.

Ya, saya akui pemimpin PAS di Kelantan telah kaya-raya walaupun mereka kalah dalam pilihanraya baru-baru ini. Dalam soal balak di Kelantan orang-orang PAS lebih alim dan lebih bijak daripada orang-orang lain.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, tolong tumpukan ucapan Yang Berhormat kepada Belanjawan Tahun 1980.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, tetapi bagaimana dengan petani, nelayan dan buruh-buruh di Kelantan yang 18 tahun Kerajaan PAS memerintah di Kelantan? Di dalam Rancangan Malaysia Pertama, Rancangan Malaysia

Kedua tidak dapat dirasai sepenuhnya oleh rakyat-rakyat miskin Kelantan kerana semuanya haram dan kafir.

Tuan Yang di-Pertua, inikah yang dikatakan Dasar Ekonomi Baru yang dirancang oleh PAS? Kita senang mengkritik dan mencaci apa yang dibuat oleh orang lain tetapi tidak semudah itu untuk melaksana dan membuatnya sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, kezaliman pemerintahan PAS selama 18 tahun di Kelantan ternyata sekali. Kalau Wakil dari Baling itu sangsi tentang keadilan Kerajaan terhadap orang-orang yang tidak sebulu, dituduh Kerajaan bermusuh dengan rakyat; negeri Kelantan adalah sebaik-baik contoh kerana negeri Kelantan diperintah oleh PAS sendiri. Kita dapat melihat setakat mana bijak, pandai dan adilnya pemimpin PAS ini memerintah negara itu dan bagaimanakah dilakukan terhadap orang yang tidak sebulu. Terang-terang saya katakan orang-orang UMNO di Kelantan tidak mendapat hak sepatutnya di dalam negerinya, semasa pemerintahan PAS dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana saya pernah bekerja di Pejabat Tanah, biarlah saya dahulukan cerita ini dengan dasar pembahagian tanah di Kelantan yang dianggap adil oleh pihak PAS itu, kerana tanah ini adalah di bawah kekuasaan Kerajaan Negeri pada masa itu dan tanah ini merupakan punca ekonomi dan juga punca kehidupan rakyat di Kelantan yang tidak mempunyai sumber-sumber lain. Untuk menentukan kemenangan Datuk Mohd. Asri di Kawasan Parlimen Pasir Puteh dalam pilihanraya tahun 1969 dahulu, seluruh tanah di Pasir Puteh diisytiharkan sebagai tanah Kelas "C" iaitu Wakil-wakil Rakyat boleh meluluskan tanah. Wakil Rakyat ini adalah hanya Wakil Rakyat PAS sahaja, tidak Wakil Rakyat UMNO. Tiap-tiap borang yang ditandatangani dan dicap oleh Wakil Rakyat PAS sahaja boleh diterima oleh Pejabat Tanah pada masa itu.

Akibat daripada tindakan PAS itu orang-orang UMNO bukan sahaja tidak mendapat tanah, memohon tanah pun tidak dapat diterima oleh Pejabat Tanah. Orang-orang kuat PAS, pemimpin-pemimpin PAS, keluarga-keluarga daripada orang-orang kuat PAS itu membolot berpuluh-puluh lot tanah Kerajaan. Seorang Wakil Rakyat PAS di Pasir Puteh telah memiliki 136 lot tanah

padi. Ini adalah juga satu kenyataan. Tetapi orang-orang yang kurang kuat tetapi mereka itu mengundi PAS, tentang fahaman politiknya goncang sedikit, golongan ini boleh memohon tanah dan memerintah tanah tetapi tanpa mendapat kelulusan Kerajaan atau sebarang title. Orang-orang ini sudah memerintah tanah di antara 10 hingga 15 tahun, rumahnya telah ada di atas tanah itu dan tanamannya telahpun besar-besar, getahnya telahpun boleh ditoreh tetapi masih belum diberi title lagi.

Tiap-tiap kali pilihanraya orang-orang ini telah diugut, kalau tidak pangkah "Bulan" tanahnya tidak akan diluluskan atau dirampas balik. Kerana orang itu takutkan tanah dan rumahnya, hasil daripada usahanya itu tidak diluluskan oleh Kerajaan yang memerintah pada masa itu terpaksa melakukan sumpah dan bersumpah untuk mengundi PAS. Inilah punca-punca kejayaannya pada masa itu dan yang paling sedih ialah tanah yang telah diusahakan di antara 10 hingga 15 tahun, pokok-pokok getahnya sudah boleh ditoreh dan ada di antaranya telah mendapat kebenaran untuk tanam semula getah-getah itu dan rumahnya telah dibina dengan baik, tiba-tiba title tanah itu telah diluluskan kepada orang lain, orang kuat PAS.

Ini bukan satu dua tetapi berpuluh-puluh kes telah sampai ke Pejabat Tanah. Inilah yang menyedihkan kita. Inilah Dasar Ekonomi Baru dan keadilan yang dilakukan oleh Kerajaan Kelantan yang begitu adil memerintah pada masa itu. Bagi orang-orang UMNO adalah gelap untuk mendapat tanah semasa pemerintahan PAS di Kelantan pada masa itu.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana mereka itu takut tindak balas daripada Kerajaan Barisan Nasional di Kelantan dan juga Kerajaan Pusat, maka mereka menimbulkan perkara ini. Orang-orang UMNO tidak zalim orang-orang PAS dalam tindak-tanduk politiknya. Kita tidak pernah memusuhi rakyat seperti orang PAS Kelantan memusuhi rakyat Kelantan. Kita tidak pernah berhasrat untuk merampas tanah-tanah yang dimiliki atau diduduki secara haram oleh orang-orang PAS, tetapi saya sebagai Wakil Rakyat akan menentang habis-habisan terhadap orang-orang PAS yang tidak sedarkan diri ataupun selalu mencaci dasar Kerajaan dengan tidak berasas. Tetapi golongan ini tidak ramai, Tuan Yang di-Pertua, hanya seorang dua sahaja. Kalau seorang dua orang seperti ini

bukan Kerajaan yang memusuhi rakyat, tetapi rakyat itu yang memusuhi Kerajaan. Kalaupun rakyat yang memusuhi Kerajaan, bukan sahaja rakyat itu tidak akan diberi hak untuk kemudahan-kemudahan daripada Kerajaan tetapi mereka itu halal ditembak sebagaimana Kerajaan menghapuskan komunis di dalam hutan yang juga mereka itu rakyat sebagaimana rakyat lain juga.

Tuan Yang di-Pertua, bagaimana demokrasi Kerajaan PAS di Kelantan untuk menjatuhkan Dato' Haji Mohamed Nasir sebagai satu contoh kezaliman dan amalan demokrasi PAS yang diagung-agungkan oleh Wakil dari Baling. Sebelum 15hb Oktober, 1977 hari hendak mengundi tidak percaya kepada Dato' Haji Mohamed Nasir, semua Wakil rakyat PAS dikurung selama 2-3 minggu untuk diambil tindakan atau ugutan ataupun diberi mental torture dan berbagai-bagai sumpah, ada yang bersumpah dengan ayat Quran agar tidak berpaling tadah. Apa yang diamalkan oleh PAS ini sebenarnya tidak pernah berlaku dalam Barisan Nasional, khususnya dalam UMNO sendiri. Cuma orang yang tidak dapat menerima dasar Barisan Nasional boleh menentang, tetapi selepas menentang boleh keluar, jangan nanti dibuang seperti PAS yang disingkirkan daripada Barisan Nasional, kerana di dalam mana dasar-dasar parti orang yang menentang dia boleh keluar, jangan nanti disingkir. Banyak cerita-cerita demokrasi PAS ini yang boleh diceritakan, tetapi ini saya rasa tidak ternampak oleh Wakil dari Baling kerana fikirannya begitu positif terhadap PAS dan negatif terhadap usaha orang lain.

Tuan Yang di-Pertua, masalah perkauman orang PAS tidak payah cerita panjang. Orang PAS bukan sahaja perkaumannya tidak mengakui hak orang China dan India yang ada dalam negara ini tetapi juga sesama orang Melayu dan Islam mereka tidak mengakui saudaranya. Mereka melahirkan perkauman dan perpecahan di kalangan orang Melayu dan Islam sendiri. Mereka sanggup mengafirkan orang-orang Islam yang menyokong UMNO. Ini walaupun cerita lama tetapi perkara ini masih ditimbulkan di saat-saat sekarang ini dan apa yang ditimbulkan di dalam tahun 1959 dahulu telah ditimbulkan semula pada saat-saat akhir ini dan berbagai-bagai tipu helah menggunakan hukum-hukum Islam dan ayat-ayat Al-Quran untuk memecah-belahkan sesama Islam dengan matlamat memenangi pilihanraya dan

politiknya. Memang benar seperti kata Yang di-Pertua Agung PAS dalam muktamarnya baru-baru ini golongan yang mempergunakan Islam untuk tujuan bukan Islam. Dengan lain perkataan, mereka itu mempergunakan Islam untuk tujuan politik PAS mereka.

Tuan Yang di-Pertua, Parti Barisan Nasional merupakan komponen parti berbilang kaum yang berlainan interest tetapi mempunyai satu matlamat. Dengan kehadiran PAS dalam masyarakat Melayu telah berjaya memecah-belahkan orang-orang Melayu dan orang-orang Islam walaupun bertahun-tahun komunis memerangi orang Melayu dan rakyat negara ini tidak dapat memecah-belahkan, tetapi PAS berjaya memecah-belahkan perpaduan orang Melayu dan Islam. Begitu juga DAP. Dengan kehadiran DAP telah berjaya memecah-belahkan perpaduan orang-orang China walaupun komunis tidak begitu berjaya memecah-belahkan perpaduan orang-orang China.

Jadi kedua-dua parti perkauman Melayu yang bertopengkan Islam dan satu lagi parti perkauman Cina atau India yang bertopengkan keadilan, kita akui telah berjaya memecah-belahkan perpaduan rakyat negara ini. Jika salah satu dari kedua Parti ini berkuasa di mana-mana dalam negara ini akibat buruk akan menimpa kepada rakyatnya tetapi pemimpin-pemimpinnya akan lari meninggalkan negara ini. Itulah sahaja ucapan saya dan saya ucapkan berbanyak terima kasih.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Saya jemput Yang Berhormat dari Padang Rengas.

4.34 ptg.

**Tuan Umar bin Haji Ismail (Padang Rengas):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bersama-sama untuk menyokong usul Belanjawan, 1980 yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan pada 18hb Oktober, yang lalu. Belanjawan yang telah dibentangkan oleh Menteri Kewangan itu telah diketahui umum sama ada melalui sibaran am atau melalui cerita-cerita mulut yang telah dibincangkan oleh semua lapisan masyarakat, sama ada dari golongan terpelajar hingga kepada masyarakat desa di pedalaman. Pada keseluruhannya semua lapisan rakyat di negara ini sama ada yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dengan Belanjawan itu adalah menyambut baik dan hati yang lapang oleh kerana

Belanjawan yang telah dikemukakan itu adalah memberi manfaat dan faedah kepada tiap-tiap seorang rakyat di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai Wakil Rakyat yang mewakili penduduk-penduduk luar bandar, sukalah saya menyatakan di dalam Dewan yang mulia ini bahawa penduduk-penduduk luar bandar adalah menunggu tahun 1980 akan datang ini sebagai menyambut satu keyakinan yang akan menerangkan, yang akan meringankan bebanan dan perubahan nasib mereka ke satu peringkat yang lebih baik lagi. Umpamanya, cadangan untuk meringankan beban cukai ke atas sektor pengangkutan awam seperti teksi, kereta sewa dan bas, mereka berharap akan dapat menikmati perkhidmatan bas dan teksi yang lebih sempurna dengan bayaran yang lebih murah lagi. Hasrat Kerajaan untuk membasmi kemiskinan penduduk-penduduk luar bandar, Belanjawan 1980 telah memperuntukkan bagi pembinaan 380 batu jalan luar bandar dengan tujuan memberi peluang mendapat kemudahan sosio-ekonomi Kerajaan seperti faedah-faedah pelajaran, kesihatan, kemudahan pemasaran dan sebagainya. Peruntukan sebanyak \$90 juta bagi bekalan letrik luar bandar; \$200 juta untuk bekalan air; \$146 juta untuk perkhidmatan kesihatan luar bandar. Ini adalah rancangan-rancangan yang sedang ditunggu-tunggu oleh penduduk-penduduk luar bandar; satu pemberian yang sangat besar maknanya kepada mereka. Walaupun mereka tidak menikmati secara langsung faedah daripada Belanjawan 1980 seperti mana faedah yang dinikmati oleh mereka yang berpendapatan tetapi, umpamanya, hasil daripada kenaikan kadar perlepasan cukai pendapatan sebagaimana yang telah diucapkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan itu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam membahaskan ucapan Belanjawan yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan ini, saya ingin menyentuh beberapa perkara mudah-mudahan akan mendapat perhatian daripada pihak yang berkenaan. Tidak siapa yang dapat menafikan di atas hasrat dan azam Kerajaan untuk membasmi kemiskinan, meningkatkan taraf hidup rakyat yang tidak berada dengan tidak mengira kaum, terutama sekali mereka yang tinggal di luar bandar dengan bukti-bukti yang telah ditunjukkan oleh Kerajaan kita selama ini dengan mengadakan berbagai-bagai kemudahan asas seperti perbekalan

letrik, air, jalanraya, kemudahan-kemudahan kesihatan dan sebagainya. Begitulah juga dalam Belanjawan 1980 ini peruntukan seperti itu telah disediakan dengan banyaknya. Maka adalah diharapkan tidak berapa lama lagi tiap-tiap kampung akan dapat menikmati kemudahan-kemudahan yang sepatutnya. Walaupun hasrat Kerajaan dan hajat semua penduduk-penduduk kampung di luar bandar untuk mengada dan menikmati berbagai-bagai kemudahan asas dengan tujuan untuk meninggikan taraf hidup rakyat, dan tetapi di setengah-setengah kampung dan di setengah-setengah kawasan pada hemat saya tidak mungkin segala kemudahan asas yang penting itu dapat diadakan walaupun peruntukan yang banyak telah disediakan untuk projek-projek jalan luar bandar, perbekalan elektrik, perbekalan air paip dan sebagainya oleh kerana kepadatan banyak kampung-kampung seperti yang disebutkan itu kerana kedudukannya terpencil di pedalaman. Contohnya, di dalam kawasan saya ada lima buah kampung yang terletak sepanjang tebing seberang sungai Perak yang perhubungannya ke pusat pentadbiran Kerajaan, pekan-pekan dan lain-lain dunia luar adalah semata-mata menggunakan pengangkutan air seperti sampan atau perahu sahaja.

Ada pihak-pihak mencadangkan untuk mengadakan kemudahan-kemudahan atau memodenkan kampung-kampung dan juga kepada penduduk-penduduk kampung yang tersebut ialah dengan cara memindahkan sahaja mereka itu atau kampung tersebut ke kawasan yang berhampiran dengan jalanraya. Pada hemat saya cadangan itu walaupun baik tetapi mustahil dapat dilaksanakan oleh kerana kampung-kampung itu telah diwujudkan di zaman rakyat negara ini masih menjadikan sungai sebagai jalan perhubungan yang utama. Bolehlah dikatakan bahawa kampung-kampung itu adalah kampung-kampung yang awal diwujudkan di dalam kawasan tersebut yang telah mempunyai serba sedikit kemudahan sumber kehidupan seperti sawah padi, kebun getah, dusun buah-buahan, persekolahan rendah, klinik bidan sebagainya kecuali kemudahan-kemudahan jalanraya, bekalan elektrik, paip air, sekolah menengah.

Saya meminta izin, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyebut kampung-kampung yang saya maksud itu iaitu Kampung Bukit Sapi, Kampung Chepor, Kampung Luat, Kampung Dusun, Kampung Durian Lubut

dan beberapa kampung lain yang mempunyai bilangan penduduknya lebih daripada tujuh ribu orang, letaknya di seberang pekan Lenggong dan setanah dengan daerah Sungai Siput. Untuk memodenkan kampung-kampung tersebut dan juga memajukan kawasan-kawasan sekitarnya saya mencadangkan supaya pihak Kerajaan terutama sekali kepada Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam untuk membina sebuah jambatan bagi menyeberangi Sungai Perak, menyambungkan kawasan-kawasan pekan Lenggong dengan Kampung Lintang di dalam kawasan Parlimen Sungai Siput serta membina jalanraya-jalanraya bagi menghubungkan kampung-kampung tersebut yang panjangnya lebih kurang 15 batu sahaja. Jika jambatan dan jalanraya tersebut dapat di bina bukan sahaja kampung-kampung dan kawasan-kawasan sepanjang jalan tersebut dapat dimajukan akan tetapi jalan ini boleh menghubungkan Sungai Siput melalui Lenggong, Kulim dan selatan negeri Kedah, iaitu melalui Ijok dan Selama di utara negeri Perak. Jalan ini juga bolehlah digunakan untuk mengelakkan kesesakan jalanraya yang melalui Kuala Kangsar, Taiping, Parit Buntar, Bukit Mertajam dan Perai atau bagi mengelakkan banjir yang sering berlaku antara Sungai Siput dan Taiping sama ada banjir tengkujuh atau banjir musim hujan biasa.

Dari segi keselamatan pula, jalan yang saya cadangkan ini adalah amat penting oleh kerana jalan ini telah digunakan oleh pasukan tentera British sebagai jalan pintas dalam masa mereka mengundurkan diri dalam Perang Dunia II dulu iaitu dari kawasan utara, dari Gerik ke Ipoh dan Selatan. Pada masa ini pun kawasan ini terletak dalam kawasan keselamatan. Walaupun demikian kawasan jalan yang saya cadangkan pada masa ini adalah kawasan pembalakan dan lorong-lorong telah sedia ada dan juga kawasan ini telah menjadi kawasan pencarian hidup seperti rotan dan sebagainya oleh penduduk-penduduk daerah Sungai Siput dan daerah Lenggong.

Tuan Yang di-Pertua, menyetuh perkara yang berhubung dengan pelajaran. Saya ingin menyatakan bahawa kita semua tentulah mengalu-alukan peruntukan yang besar yang telah diperuntukkan kepada pelajaran iaitu kira-kira 1/5 daripada peruntukan mengurus rancangan-rancangan yang akan dilaksanakan. Dengan peruntukan yang

banyak ini adalah diharapkan akan mendapat faedah yang besar oleh penduduk-penduduk negara ini terutama sekali mereka yang berpendapatan rendah dari kawasan-kawasan luar bandar.

Hasrat Kerajaan untuk membina 13 buah lagi sekolah-sekolah teknikal dan vokesyenal itu adalah juga diharapkan supaya dapat dibina di kawasan luar bandar.

Selain daripada untuk kemudahan pelajar-pelajar daripada luar bandar menuntut pelajaran-pelajaran menengah, adalah juga diharapkan dengan pembinaan sekolah-sekolah di luar bandar maka kawasan itu akan membangun dan membuka sedikit peluang pekerjaan kepada penduduk-penduduk luar bandar.

Berhubung dengan skim pinjaman buku-buku teks, adalah diharapkan pihak Kementerian Pelajaran menyediakan buku-buku sebanyak mana bilangan pelajar-pelajar yang ada di sekolah-sekolah supaya semua pelajar-pelajar boleh mendapatkan buku-buku dengan mudah di sekolah-sekolah tersebut. Oleh kerana pada masa ini pelajar-pelajar terutama yang tinggal di luar bandar yang tidak layak mendapat buku-buku di bawah Skim Bantuan Pinjaman Buku-buku Teks ini terlalu sukar mendapatkannya di kedai-kedai buku. Jadi mereka bolehlah membeli buku-buku ini yang dibekalkan di sekolah-sekolah dengan dibayar di sekolah-sekolah sahaja.

Berhubung dengan bantuan makanan tambahan di sekolah-sekolah pula adalah diharapkan mana-mana sekolah yang dipilih mendapat rancangan makanan tambahan ini hendaklah diberi kepada semua murid-murid di sekolah itu. Ini adalah bagi mengelakkan berbagai-bagai kesulitan, tuduhan dan sebagainya dalam menguruskan makanan kepada separuh atau sebahagian kecil sahaja murid-murid yang mendapat makanan bagi sesebuah sekolah itu. Bagi pelajar-pelajar Tingkatan Lima yang berjaya terpilih untuk melanjutkan pelajaran di Tingkatan Enam pula dari sekolah-sekolah luar bandar terutama sekali dari dalam aliran Sains, saya berharap pihak Kementerian hendaklah menempatkan mereka ke sekolah-sekolah berasrama penuh; tidak sebagaimana hari ini mereka ditempatkan di sekolah-sekolah yang berhampiran yang tidak mempunyai kemudahan tempat tinggal. Hasilnya kebanyakan anak-anak bumiputra khasnya anak-anak Melayu luar bandar yang terpilih ke

Tingkatan Enam Sains ini telah gagal dalam peperiksaan. Ini bukan sahaja pelajar dan ibu bapa mereka keciwa akan tetapi hasrat Kerajaan untuk meramaikan lagi bilangan anak-anak Melayu di dalam jurusan sains tidak mungkin tercapai dengan sepenuhnya.

Bagi pelajar-pelajar Tingkatan Enam Sains yang gagal dalam peperiksaan mereka, adalah diharapkan juga supaya pihak Kerajaan memberi keistimewaan kepada mereka di dalam mendapatkan jawatan seperti jawatan-jawatan guru pelatih dan sebagainya atau diberi kemudahan-kemudahan mengikut apa-apa kursus yang layak di mana-mana universiti di negara kita ini dengan tujuan untuk menggalakkan anak-anak Melayu mengikuti aliran sains. Jika tidak maka berlakulah sebagaimana keadaan sekarang ini iaitu ramai lagilah anak-anak Melayu yang telah terpilih mengikuti aliran sains selepas peperiksaan Tingkatan Tiga yang ditentukan ke dalam Tingkatan Empat Sains akan meminta bertukar ke aliran sastera sebagaimana yang berlaku di luar bandar hari ini.

Seperkara lagi berhubung dengan pelajaran ini, saya hendak menyentuh tentang cara-cara memberi markah peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran (SRP) dalam mata Pelajaran Bahasa Malaysia. Bagi masa yang lalu atau juga masa ini untuk soalan Bahagian Satu iaitu bagi 40 soalan objektif diberi 60 markah dan antara soalan Bahagian Dua bagi jawapan menulis 2 buah karangan diberi 40 markah sahaja. Saya kira pemberian markah Bahasa Malaysia ini terlalu longgar kerana bagi murid-murid yang tidak boleh mendapat markah dalam Bahagian Dua ataupun soalan subject A oleh kerana kelemahan mereka menguasai Bahasa Malaysia boleh lulus juga di dalam peperiksaan ini jika mereka berjaya meneka betul 50 soalan objektif di dalam Bahagian Satu.

Oleh yang demikian saya mencadangkan supaya markah soalan Bahagian Objektif itu dikurangkan dan markah soalan subjektif itu ditinggikan dengan tujuan untuk meninggikan taraf peperiksaan Bahasa Malaysia di peringkat Sijil Rendah Pelajaran.

Berhubung dengan pelajaran Jawi pula yang diajar di sekolah-sekolah sama ada di Sekolah Rendah atau Sekolah Menengah, mengikut pengalaman saya 30 tahun iaitu 18 tahun di Sekolah Rendah dan 12 tahun di Sekolah Menengah, walaupun sukatan pelajaran ada menentukan bahawa pelajaran

Jawi hendaklah diajar akan tetapi hasilnya ramai bilangan murid-murid atau pelajar-pelajar tidak boleh menguasai pelajaran Jawi oleh kerana beberapa sebab. Pertama, pada masa ini pelajaran Jawi dimulakan dari darjah II tetapi sepatutnya dimulakan dari darjah I lagi. Kedua, di Sekolah-sekolah Menengah ada pelajaran Jawi di dalam sukatan pelajaran Bahasa Malaysia akan tetapi pelajaran ini tidak atau kadangkadangkang jarang-jarang diajar oleh kerana ada di antara guru-guru sendiri tidak boleh mengajar Jawi. Dengan sebab itu kursus hujung minggu bagi guru-guru mempelajari Jawi hendaklah diadakan dengan segera sebagaimana hari ini diadakan kursus-kursus hujung minggu bagi matapelajaran-matapelajaran yang lain. Ketiga, di sekolah-sekolah hari ini kebanyakan guru-guru dan juga pelajar-pelajar menggunakan tulisan rumi dalam mempelajari matapelajaran kesusasteraan Melayu dan juga Pengetahuan Ugama Islam. Saya cadangkan bagi mempergiatkan pelajaran jawi ini di masa-masa akan datang pelajaran Kesusasteraan Melayu dan Pengetahuan Ugama Islam hendaklah diajar dengan menggunakan tulisan jawi, jika boleh soalan-soalan peperiksaan dan juga jawapan matapelajaran-matapelajaran tersebut hendaklah diwajibkan menggunakan tulisan Jawi.

Hari ini malang sekali bukan sahaja rakyat Malaysia yang berketurunan bukan bumiputra yang tidak boleh menguasai tulisan Jawi bahkan ramai daripada mudamudi hari ini daripada golongan bumiputra sendiri tidak boleh menguasai tulisan Jawi sedangkan ada setengah-setengah orang menganggap bahawa tulisan Jawi adalah sebahagian daripada kebudayaan Melayu yang menjadi teras kebudayaan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan keselamatan ingin saya menyentuh perkara ini iaitu rancangan untuk membesar, memperbaiki serta mempermodenkan Pasukan Keselamatan kita. Kita semua telah diberitahu bahawa satu peruntukan yang besar telah diperuntukkan kepada perkara tersebut.

Dalam hal ini saya ingin menarik perhatian kepada pihak yang berkenaan iaitu Kementerian Pertahanan berhubung dengan penempatan pasukan Tentera kita di kawasan yang berhampiran dengan perbatasan terutama sekali perbatasan Malaysia-Thai. Satu masa dahulu di Tapah, di Batu Gajah dan

di Lenggong dalam negeri Perak telah dijadikan markas angkatan tentera kita bagi mengawal keadaan darurat pada masa itu memandangkan negeri Perak adalah salah satu benteng pertahanan yang sangat penting. Walaupun di Gerik, di Ipoh, di Taiping hari ini telah dijadikan markas maka sebagai mengadakan latihan pertahanan yang kedua berhampiran dengan kawasan perbatasan dan juga untuk mengawal kawasan keselamatan di sekitarnya saya mencadangkan dan berharap supaya satu markas, satu batalion tentera hendaklah ditempatkan semula di Lenggong walaupun masa ini ada satu kompeni Pasukan Pertahanan Tempatan sahaja, saya fikir tidak mencukupi.

Seperkara lagi saya berharap tiap-tiap pasukan bersenjata kita hendaklah dilengkapi dengan pasukan kereta berperisainya sendiri tidak sebagaimana hari ini saya nampak apakala Pasukan Tentera kita hendak ke perbatasan mereka terpaksa menunggu berhari-hari di tempat berhampiran rumah saya untuk menunggu kereta perisai datang dari sempadan. Saya rasa sampailah ketikanya Kerajaan kita mengadakan tiap-tiap Pasukan Angkatan Tentera kita dengan pasukan perisai pengawalnya sendiri sebagaimana yang dilengkapi kepada Pasukan Polis Hutan kita.

Berhubung dengan kebajikan ahli-ahli angkatan tentera kita, saya berharap juga kepada pihak Kerajaan dapat mengkaji semula iaitu berhubung dengan cuti mereka. Pada masa dahulu Pasukan Angkatan Tentera kita setelah bertugas selama 3 bulan di sempadan atau di perbatasan diberi 2 bulan cuti masa balik ke markas masing-masing. Akan tetapi masa ini saya diberitahu perkara yang demikian tidak lagi diwujudkan istimewa sekali kepada Pasukan Regimen Askar Wataniah yang dikerah langsung tidak mendapat cuti panjang selain daripada cuti tahunan oleh kerana apabila mereka telah habis bertugas yang lebih lama lagi daripada Pasukan Tentera biasa di perbatasan, di Lebuh raya Timur Barat, Ampangan Temenggong, mereka akan ditukarkan keluar menjalankan tugas menjaga pusat-pusat kawalan penting seperti menjaga pembinaan Pengkalan Tentera Laut Diraja Lumut, Ampangan Chenderoh, jambatan dan lubang gelap keretapi dan sebagainya tanpa diberi cuti kerana di negeri Perak saya tidak tahu adanya markas khas untuk Rejimen Askar Wataniah ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh sedikit perkara-perkara berhubung dengan penghijrahan belia-belia luar bandar ke bandar-bandar. Masalah ini telah menjadi satu masalah besar di luar bandar walaupun berbagai-bagai rancangan dan usaha telah dijalankan oleh pihak Kerajaan kita bagi memperbaiki keadaan kehidupan sama ada melalui projek-projek pembangunan asas dan juga projek-projek pertanian bagi meninggikan taraf pendapatan petani-petani tidak siapa dapat nafikan. Contohnya RISDA telah menjalankan berbagai-bagai rancangan seperti mengadakan mini estet, pusat pembangunan pekebun-pekebun kecil, operasi pengeluaran dinamis, pertambahan peruntukan tanaman semula sehingga menjadi \$1,200 seekar dan berbagai-bagai lagi. Begitu juga melalui Kementerian Pertanian berbagai-bagai rancangan telah dijalankan, semua ini adalah untuk kepentingan petani-petani dan penduduk-penduduk di luar bandar untuk masa akan datang. Tetapi apakah maknanya semua ini, apabila petani-petani tua ini tidak lagi berupaya menjalankan kerja menoreh getah walaupun harga getah hari ini di kawasan saya melambung tinggi sehingga \$1 satu paun. Siapa yang akan mengerjakan sawah pula walaupun berbagai-bagai kemudahan telah diadakan oleh kerana belia-belia kampung telah berhijrah dengan ramainya ke bandar-bandar dengan tujuan untuk mencari kehidupan walaupun perkara itu boleh didapati di kampung-kampung jika berusaha bersungguh-sungguh tetapi kehidupan sambil menikmati suasana yang boleh mengembirakan yang tidak boleh didapati di kampung-kampung.

Dengan hal yang demikian, saya mencadangkan supaya pihak Kerajaan berikhtiar mengadakan suasana kampung yang lebih menyeronokkan, umpamanya dengan mengadakan kilang-kilang perusahaan yang berasaskan kepada sumber-sumber alam tempatan. Umpamanya di kawasan saya, saya dapati banyak bukit-bukit batu kapur yang mungkin ini boleh didirikan kilang-kilang simen. Kalau kita ke utara sebelum Bukit Berapit terdapat bukit-bukit batu seperti Gunung Pondok dan sebagainya. Pada fikiran saya yang tidak ada berpengalaman dalam perkara ini saya rasa bukit-bukit batu ini boleh dijadikan kilang simen untuk menambahkan lagi kilang-kilang simen yang ada di Perak. Begitu juga kilang-kilang yang berasaskan kepada pertanian, umpamanya getah. Walaupun Kerajaan telah 5 tahun bercadang

untuk mengadakan sebuah kilang MARDEC di kawasan saya, telah disediakan tapak, peruntukan, tetapi sampai hari ini belum nampak bayangnya lagi. Begitu juga kilang-kilang yang berasaskan kepada ubi kayu dan lain-lain lagi.

Dalam kawasan saya juga, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana banyak bukit-bukit, kawasan-kawasan gunung yang rendah, mungkin boleh dijadikan ladang-ladang teh atau lain-lain tanaman yang sesuai dengan tanaman tanah tinggi. Begitu juga di kawasan saya ada sebuah tasek yang indah, iaitu Tasek Chenderoh yang telah dibina pada tahun 1926 lagi, ini mungkin boleh dijadikan pusat pelancungan. Dengan hal yang demikian, saya rasa dapatlah menampung pekerjaan untuk belia-belia tempatan dan mengelakkan mereka daripada berhijrah ke bandar-bandar semata-mata untuk mencari keseronokan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh pula berhubung dengan kekurangan pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan di peringkat negeri dan di peringkat daerah-daerah. Sungguhpun Kerajaan telah meluluskan banyak projek-projek pembangunan di peringkat daerah tetapi sebahagian daripadanya projek-projek itu tidak dapat dilaksanakan dalam jangka waktu yang telah ditetapkan oleh kerana kekurangan jentera perlaksanaan, umpamanya projek-projek bangunan sekolah, jalanraya, perbekalan air terlalu lambat dilaksanakan. Saya mendapat khabar berjuta-juta wang peruntukan tahun 1978 bagi negeri Perak dikembalikan ke pusat oleh kerana tidak dapat dilaksanakan. Apa yang diberitahu bahawa di peringkat negeri adalah kekurangan pegawai-pegawai perkeranian di dalam Jabatan Kerjaraya dan di daerah pula adalah kekurangan jurutera, pembantu teknik dan juga yang malang sekali ialah kekurangan pemandu lori dan jentera-jentera. Inilah perkara-perkara yang berlaku di peringkat pelaksanaan.

Dari pandangan saya bahawa kelambatan pelaksanaan projek-projek di luar bandar seperti bangunan-bangunan sekolah walaupun banyak diperuntukkan, mungkin seluruh negara, tetapi di kawasan saya banyak tidak dapat dilaksanakan. Tidakkah boleh pihak Kementerian Pelajaran mengadakan satu unit pelaksanaan projek pembangunannya sendiri yang berasingan daripada Jabatan

Kerjaraya oleh kerana Jabatan ini dibebankan dengan berbagai-bagai projek oleh Kementerian-kementerian lain kepadanya seperti mana yang dilaksanakan oleh Jabatan Parit dan Taliair yang boleh melaksanakan projek-projek bersendirian, tidak payah dilaksanakan oleh pihak JKR. Jadi saya berharap mana-mana Kementerian yang besar-besar tidaklah terpaksa bergantung kepada Jabatan Kerjaraya untuk melaksanakan. Jadi perkara inilah yang menjadi masalah besar. Masalah JKR ini adalah menjadi masalah besar di negeri Perak, khasnya kawasan-kawasan saya di dalam pendalaman Ulu Perak. Walaupun Kerajaan memberi peruntukan yang besar, rakyat terpaksa menunggununggu perlaksanaannya kerana saya tidak menafikan kebenarannya. Alasan yang diberi oleh pihak JKR bahawa JKR ini diberi bebanan yang terlalu banyak. Ada Jurutera Kerja Kanan yang terpaksa menghadiri mesyuarat 40 kali sebulan, jadi bagaimana?

Umpamanya saya beri contoh bagi Kawasan Parlimen Sungai Siput, Parlimen Kuala Kangsar, Parlimen Padang Rengas dan Parlimen Gerik yang mempunyai dua daerah hanya mempunyai seorang Jurutera Kerja Kanan yang terpaksa mengawas, melaksana atau menandatangani sebarang dokumen untuk laksanakan projek walaupun projek itu asalnya projek Pejabat Daerah, umpamanya paip air kerana telah diserahkan pelaksanaan kepada JKR. Perkara yang kecil sedemikian pun tidak dapat dilaksanakan dengan segera.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin menyentuh berhubung dengan kesihatan, iaitu kesihatan luar bandar. Kerana perkara kesihatan ini telah disebut oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan, saya hanya hendak menyebut iaitu berharap supaya di kawasan-kawasan luar bandar hendaklah didirikan pusat kesihatan kecil atau pusat kesihatan besar yang jaraknya tidak lebih daripada 15 batu di antara satu pusat kesihatan atau hospital daerah. Sebagaimana yang berlaku di kawasan saya hari ini, umpamanya Hospital Daerah Kuala Kangsar dan di sebelah atas sekali lebih 30 batu ialah Pusat Kesihatan Besar Lenggong, jadi jarak lebih 30 batu. Saya harap supaya satu pusat kesihatan besar dapat didirikan dengan segera di kawasan pekan Sauk yang berhampiran dengan Empangan Chenderoh. Ini untuk membolehkan rakyat luar bandar menikmati

kemudahan kesihatan, perkhidmatan kesihatan yang lebih baik lagi kepada penduduk-penduduk luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah saya menyokong usul ini.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka.

5.06 ptg.

**Tuan Chan Teck Chan (Kota Melaka):** Tuan Speaker, saya akan mengambil peluang untuk menyentuh tajuk utama dalam ucapan saya ialah mengenai Dasar Ekonomi Baru dan perpaduan rakyat sebagai jawapan saya terhadap tuduhan-tuduhan yang dilemparkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh dan Ahli Yang Berhormat dari Ulu Trengganu pada hari kelmarin.

Tuan Speaker, saya perlu mengambil peluang di Dewan yang mulia ini, juga bagi pihak DAP dengan secara rasminya untuk menyatakan pendirian DAP rasmi terhadap Dasar Ekonomi Baru. Sebenarnya di Dewan ini saya telah menegaskan bahawa DAP adalah menyokong sepenuhnya matlamat Dasar Ekonomi Baru, iaitu untuk mencapai perpaduan rakyat dan membasmi kemiskinan di semua peringkat, di semua masyarakat dan kaum tetapi cara implementasi Dasar Ekonomi Baru selama 10 tahun ini perlu ditinjau semula. Sebab DAP menyeru, mendesak Kerajaan meninjau semula Dasar Ekonomi Baru dalam proses implementasinya ialah kerana DAP adalah mendapati bahawa sudah berlaku banyak penyelewengan dalam proses pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru.

DAP berpegang teguh dua prinsip untuk menyokong Dasar Ekonomi Baru. Prinsip pertama ialah pembasmian kemiskinan perlu dijalankan dengan memberikan keutamaan kepada golongan rakyat yang miskin yang berpendapatan rendah, khasnya masyarakat di luar bandar, juga dalam konteks masyarakat kaum bumiputra. Dari segi inilah kita dapati selama 10 tahun ini masih kita dapati banyak kampung-kampung, banyak rakyat dari luar bandar, umpamanya di negeri Melaka, saya boleh sebutkan nama-nama kampung juga, kita dapati mereka masih belum dapat menikmati segala faedah yang dilaksanakan oleh projek pembangunan sosio-ekonomi di bawah Dasar Ekonomi Baru. Itulah sebabnya DAP berkata pembasmian

kemiskinan tidak seharusnya dijalankan atas atau dengan mengorbankan kepentingan majoriti rakyat yang miskin, khususnya kaum bumiputra.

Ini adalah sangat jelas pendirian DAP, tetapi selama sepuluh tahun ini kita hanya nampak bahawa Kerajaan memberikan satu ketegasan, menegaskan atau memberikan priority untuk mewujudkan satu kelas kapitalis Melayu yang baru atas pengorbanan majoriti kaum bumiputra yang banyak di Malaysia hari ini. Itu sebab kita kata Dasar Ekonomi Baru perlu ditinjau semula ialah kerana kita merasa khuatir bila sampai tahun 1990 matlamat ini akan gagal di mana kita dapat satu masyarakat khasnya masyarakat Melayu, 90% Melayu akan miskin, menderita, hidup dalam sengsara tetapi menaikkan 10% kaum bumiputra menjadi kaya-raya. Adakah ini matlamat utama Dasar Ekonomi Baru?

Tuan Speaker, itu sebab kita DAP berasaskan kepada kepentingan negara untuk mendesak bertahun-tahun kepada Kerajaan supaya cara implementasi Dasar Ekonomi Baru ini boleh dikaji semula supaya matlamat ini boleh dicapai. Inilah prinsip pertama.

Prinsip kedua ialah dalam proses penyusunan semula masyarakat tidak boleh mengakibatkan mana-mana satu kumpulan atau golongan atau mana-mana satu kaum merasa ada mengalami kerugian atau merasa hak peluang privileginya dirampas. Ini prinsip kedua.

Dalam bidang pelajaran, dalam bidang ekonomi dalam masa sepuluh tahun ini perasaan perampasan ini adalah sangat kian meningkat khasnya di masyarakat bukan Melayu. Adakah salah bagi DAP membawa perkara ini kepada perhatian Kerajaan, menarik perhatian daripada Dewan ini supaya penyelewengan ini boleh dibetulkan? Adakah ini salah? Sebenarnya ini adalah tanggungjawab parti Pembangkang atau mana-mana satu parti pun baik parti pemerintah Barisan Nasional kalau ada berlaku sesuatu maksiat, sesuatu kelemahan, kepincangan maka inilah tanggungjawab parti untuk membangkitkan perkara ini ke satu tempat yang sesuai untuk diperbincangkan dan dibahaskan. Kalau kita cuba menutup mata atau cuba mahu mengampu sesuatu golongan demi kepentingan peribadi, bolehkah kita menutup mata kita, menutup mulut kita untuk tidak mahu membangkitkan perkara ini atau cuba

memutarbelitkan kenyataan sebenarnya dengan memuji keadaan yang bukan sebenarnya. Ini adalah satu kesilapan. Ini adalah satu dosa yang tidak seharusnya dibuat oleh satu parti khasnya parti Pembangkang yang bertanggungjawab, yang taat setia kepada negara kita.

Di sini saya perlu menegaskan dan mengulangi semula pendirian DAP. DAP tidak pernah mensabotaj Dasar Ekonomi Baru khasnya ekonomi kaum bumiputra. Saya boleh membuktikan. Sebaliknya yang mensabotaj Dasar Ekonomi Baru bukan DAP. Tidak lain dan tidak bukan ialah UMNO.

Saya berikan satu contoh yang baik kepada dua kes iaitu kes Bank Rakyat. Lihat, amanah sudah diberikan kepada pucuk pimpinan pengurusan kepada UMNO atasan tetapi akhirnya kepentingan kaum nelayan, kaum petani golongan yang berpendapatan rendah di luarbandar dikhianati. Siapakah yang sebenarnya mengkhianati, mensabotaj Dasar Ekonomi Baru?

Kes kedua berlaku di negeri Melaka iaitu terlibat tanah 4,002 ekar di bawah jagaan Gaberna Sendirian Bhd. di mana pengkerusinya terdiri daripada bekas Ketua Menteri Melaka dan pengarah-pengarahnya terdiri daripada bekas Ahli-ahli Exco. Pada tahun 1975 DAP kata cara mewujudkan estet Melayu ini adalah salah kerana menyalahgunakan kuasa mengeluarkan tanah kepada sebuah syarikat bumiputra yang pengarahnya terdiri daripada politikus-politikus UMNO atasan. Pada saat itu saya masih ingat, saya ada membawa usul ini, saya dituduh, dikesan sebagai anasir dan anti-nasional, sebagai pengkhianat bangsa. Saya dituduh sebagai anasir mensabotaj Dasar Ekonomi Baru. Tetapi selepas empat tahun DAP memperjuangkan issue ini akhirnya membuktikan apa yang DAP tuduh ini adalah benar.

Sekarang lihat di negeri Melaka UMNO semuanya menyokong cadangan DAP iaitu menarik balik tanah itu kerana segelintir orang yang menjadi kaya, yang menjadi jutawan; harga tanah 4,002 ekar ini yang dipegang oleh Gaberna ialah melebihi \$35 juta. Itu sebabnya Yayasan Islam Negeri Melaka hendak cuba membeli saham untuk tarik balik tanah itu. DAP sokong Yayasan Islam ini membeli saham supaya tanah-tanah ini boleh dikembalikan kepada orang Melayu

khasnya di Sungai Baru dan Jasin dan lain-lain tempat asalkan tanah ini boleh dipulangkan kepada rakyat supaya rakyat boleh menikmati sebarang hasil daripada Dasar Ekonomi Baru.

Tuan Speaker, ini merupakan satu peristiwa yang sangat-sangat mendukacitakan kita. Kita cuba memperjuangkan nasib rakyat dengan berasaskan matlamat Dasar Ekonomi Baru yang sebenarnya dirangkakan oleh Barisan Nasional. DAP sokong tetapi yang mensabotaj, menghalang kejayaan kemajuan Dasar Ekonomi Baru ialah dari UMNO sendiri. Ini dua contoh saya boleh membuktikannya. Bolehkah UMNO mencabar balik mengatakan ini tidak benar?

Saya ada membuat satu laporan rasmi kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Menteri Undang-undang pada 15hb Jun tahun ini mengenai bagaimana segelintir bekas Ketua Menteri dan Ahli-ahli Exco menyalahgunakan kuasa mereka merampas tanah rakyat untuk kepentingan diri sendiri. Ini adalah salah dari segi Perlembagaan Negeri Melaka, Fasal 7 iaitu mereka terlibat dalam satu projek pecuniary interest untuk meneruskan syarikat sendiri. Apa sebab BSN tidak mahu mengambil tindakan terhadap kes ini? Hanya dua ikan bilis ditangkap, yang ikan yu dilepaskan. DAP menyokong Yayasan Islam Negeri Melaka membeli saham ini tetapi tidak boleh dijadikan satu syarat untuk memperniagakan bahawa politikus-politikus ini dilepaskan jangan ditangkap. Ini tidak boleh, DAP akan tentang.

Tuan Speaker, saya sudah membuang banyak masa untuk menegaskan semua pendirian DAP terhadap Dasar Ekonomi Baru. Saya sekarang hendak cuba bertanya Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh, siapakah sebenarnya cuba menggagalkan Dasar Ekonomi Baru khasnya dasar kaum bumiputra. Siapa? UMNO sendiri, segelintir pemimpin atasan. Ini saya rasa keciwa DAP selalu dipersoal-soalkan tentang kejujuran, pendirian rasminya terhadap Dasar Ekonomi Baru.

Tuan Speaker, saya juga mengambil peluang dan menegaskan sekali lagi mengenai perpaduan rakyat yang juga merupakan sebahagian daripada ucapan Belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. Tadi kita semua ada mendengar tuduhan daripada Ahli Yang Berhormat dari

Pasir Puteh bahawa katanya DAPlah yang bertanggungjawab untuk memecah-belahkan rakyat kerana DAP satu parti yang perkauman chauvinists.

Tuan Speaker, di sini biarlah kita bersamasama untuk menghadapi satu kenyataan yang objective, biarlah kita menghadapi satu kenyataan yang tidak boleh dinafikan oleh sesiapaupun. Saya hendak tanya siapakah yang memerintah Malaysia selama 22 tahun ini. Barisan Nasionallah yang memerintah Malaysia dengan corak perkauman, dengan dasar perkauman terdiri daripada parti perkaumannya seperti UMNO mewakili kaum Melayu, MCA mewakili kaum Cina, MIC mewakili kaum India. Mereka masing-masing memperjuangkan kepentingan dan nasib satu kaum sahaja. Dengan persaingan politik perkauman di antara MCA, MIC dan UMNO maka sekarang suasana politik Malaysia telah dijadikan begitu hebat yang berbau perkauman sehingga dasar pemerintahan Malaysia hari ini juga berbau perkauman. Adakah keadaan ini DAP yang perlu dipertanggungjawabkan untuk memecah-belahkan rakyat Malaysia? Siapakah yang menghalang, siapakah yang mensabotaj perpaduan rakyat Malaysia? Bukankah parti-parti perkauman yang saya sebutkan tadi?

Kalau Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh cuba berkata DAPlah sebagai parti penghalang perpaduan negara, maka saya mencabar Barisan Nasional lebih baik hari ini menutup atau mengharamkan DAP. Saya mencabar haramkan dan tutup DAP supaya perpaduan rakyat boleh dicapai besok. Hari ini boleh tutup, Kerajaan ada kuasa di bawah Akta Pertubuhan boleh membatalkan pendaftaran DAP. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, adakah ini cara yang realistik dan yang berkesan untuk membawakan perpaduan rakyat dengan mengharamkan, menutup atau membubarkan DAP sebagai parti Pembangkang yang berbilang bangsa? Kalau jawapannya, ya, saya mencabar lebih baik hari ini dibubarkan DAP, dan DAP sedia berkorban kalau dengan pembubaran DAP besok boleh dicapai perpaduan rakyat. DAP bersedia mengorbankan kepentingan politiknya untuk kepentingan rakyat dan nasional. Tetapi bolehkah Barisan Nasional memberikan satu jaminan bahawa perpaduan rakyat akan dicapai dengan membubarkan atau mengharamkan DAP? Saya merasa syak wasangka bahawa perkara ini boleh dicapai. Tanggungjawab DAP cuba

hanya mempermainkan satu peranan yang bermakna di sisi Perlembagaan Malaysia, di sisi demokrasi supaya Malaysia tidak akan dijerumuskan ke dalam satu keadaan yang bahaya atau menjadi satu communist state atau dictatorship.

Tuan Yang di-Pertua, apakah salahnya DAP cuba menunaikan tanggungjawabnya untuk membangkitkan beberapa perkara yang mustahak yang berkaitan dengan pembinaan negara (nation building) supaya Malaysia tidak akan hanyut oleh nafsu perkauman sehingga Malaysia akan terperangkap masuk dalam perangkap musuh negara kita. Kalau Kerajaan cuba mahu menghalang DAP daripada memainkan peranannya, kita bersedia menunggu jawapan daripada pihak pemerintah adakah DAP perlu diteruskan untuk memperjuangkan matlamat politiknya di sisi Perlembagaan Malaysia, di sisi lunas undang-undang, di sisi demokrasi. Kalau ya, maka biarlah DAP menunaikan tanggungjawab kewajipan politiknya. Biarlah DAP membawa satu suasana politik yang lebih sihat demi kepentingan rakyat dan negara. Apa yang DAP tegur, kecam dan kritik di Dewan Rakyat ini boleh dicabar kebenarannya. Kalau kenyataan yang DAP buat tidak benar, mereka boleh mencabar supaya boleh dibongkar dan dibuktikan kepada rakyat bahawa tuduhan yang DAP buat dalam Dewan ini tidak benar. DAP menerima cabaran serupa ini, tetapi janganlah menggunakan taktik perkauman, cuba mahu menjejaskan kewujudan DAP di Malaysia. Apakah faedahnya kalau DAP tidak ada di Malaysia, Tuan Yang di-Pertua? Apakah faedahnya dan keuntungan boleh diperolehi oleh Barisan Nasional dengan cuba membinasakan atau menjahanamkan kewujudan DAP di Malaysia?

Ini saya merasa bimbang, kalaulah parti Barisan Nasional khususnya UMNO cuba mengapi-apikan emosi perkauman, memainkan satu isu yang chauvinistic yang sangat bahaya ini mungkin membawa satu keadaan yang buruk. Kalau DAP menegur satu perkara baik di bidang pelajaran, kebudayaan ataupun di bidang ekonomi, kalau salah maka tunjukkan di mana kesalahan kita. Kalau kita melanggar undang-undang Kerajaan ada hak di sisi undang-undang untuk menangkap sesiapa yang membuat suatu perkara yang melanggar undang-undang, tetapi janganlah cuba mempermainkan strategi perkauman

untuk memesongkan rakyat terhadap masalah pembinaan negara yang sebenar. Ini bukan cara untuk mengubati atau merawat penyakit pembinaan negara Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, biarlah saya masuk ke tajuk yang sebenar berkenaan dengan Belanjawan selepas saya menegaskan pendirian, dasar dan juga peranan DAP. Saya tidak mahu melihat Dewan ini dijadikan satu forum politik yang hanya asyik sahaja untuk membuat tuduhan yang bukan-bukan yang tidak bertanggungjawab. Kalau hendak buat tuduhan terhadap DAP saya terima tetapi dengan cabaran untuk menunjukkan bukti-bukti, angka-angka dan kenyataan-kenyataan dan boleh diterima dan boleh dipercayai oleh semua pihak. Kalau bersedia, memang kita membuat persediaan terhadap cabaran yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf kerana ada sedikit kemarahan saya tadi kerana ada disinggungi perasaan saya. Tuan Yang di-Pertua, DAP memanglah menyambut baik pengumuman Menteri Kewangan bahawa cukai pendapatan perseorangan dinaikkan daripada \$2,000 kepada \$5,000 dan isterinya daripada \$1,000 kepada \$2,000 setahun. Tetapi elaun anak-anak yang menuntut di seberang laut (overseas) dilepaskan 4 kali ganda daripada anak pertama adalah tidak mencukupi kerana kos perbelanjaan di seberang laut melambung naik. Sebenarnya, DAP mencadangkan supaya elaun bagi anak-anak yang menuntut di seberang laut perlulah dikecualikan daripada cukai semuanya, iaitu elaun sepenuhnya diberikan supaya golongan yang miskin yang tidak dapat memasukkan anaknya ke universiti tempatan untuk menuntut di seberang laut dapatlah menikmati pelepasan cukai pendapatan ini.

Saya adalah menyeru Yang Berhormat Menteri Kewangan boleh mempertimbangkan cadangan DAP ini juga berharap satu jawapan yang memuaskan dapat diberikan apakah sebabnya elaun sepenuhnya bagi anak-anak yang menuntut di seberang laut tidak boleh diberi.

Tuan Speaker, DAP tidaklah bersetuju dan menentang satu hadiah khas diberi kepada golongan yang berpendapatan tinggi di antara \$5,000 hingga \$9,000 sebulan. Apakah sebabnya hanya golongan yang berpendapatan tinggi ini diberikan segala layanan dan ketutamaan dalam pelepasan cukai ini. Adakah

kerana mereka satu kelas atau sama kelas dan setaraf dengan Menteri Kewangan? Jika sekiranya golongan yang berada dan berpendapatan rendah ini dapat diberikan satu hadiah yang berjumlah \$2 juta ini maka saya lebih suka mencadangkan, dengan izin, counter proposal, perlu dinaikkan daripada \$5,000 yang dicadangkan oleh Menteri Kewangan kepada \$7,000 sebulan. Isterinya akan dinaikkan dari \$2,000 yang dicadangkan ini kepada \$3,000 dan anak pertamanya akan dinaikkan kepada \$1,200; anak kedua \$1,000; anak ketiga ialah naik \$800; anak keempat naik \$600 dan akhirnya dari \$400 naik kepada \$500. Ini adalah lebih bermakna daripada cadangan Menteri Kewangan yang hanya berminat untuk melepaskan golongan yang berpendapatan tinggi tersebut.

Nampaknya prinsip pencukaian yang dicadangkan oleh Menteri Kewangan ini perlulah dikaji semula supaya yang berada ini dapat dikenakan lebih tinggi dan berat cukainya, yang tidak berada dapat dikecualikan daripada membayar apa-apa cukai dan diberikan segala galakan dan pelepasan. Ini barulah mungkin membawakan satu masyarakat yang adil dan menutup jurang di antara yang berada dengan tidak berada. Saya merayu supaya Menteri Kewangan dapat menimbang cadangan saya tersebut, iaitu mengenai elaun sepenuhnya bagi anak-anak menuntut di seberang laut, cukai pendapatan perseorangan, isterinya dan anak-anaknya dinaikkan sama sekali kerana memandangkan Kementerian Kewangan telah memberikan satu elaun yang sangat tinggi kepada golongan yang berpendapatan tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, Menteri Kewangan adalah menegaskan bahawa strategi Belanjawan 1980 ini adalah dirangka untuk menentang arah-aliran rosotan melawan inflasi untuk memastikan tercapainya Dasar Ekonomi Baru, iaitu mendorong pertumbuhan ekonomi dan menyekat inflasi, terutamanya bagi meringankan kesusahan golongan-golongan yang miskin dan berpendapatan rendah.

Tuan Speaker, DAP memang menyambut baik cadangan dan pandangan daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan. Tetapi apa yang kita merasa bimbang dan khawatir hari ini ialah inflasi telah tertimpa di Malaysia sejak 6 bulan ke belakang ini. Saya yakin bahawa kadar inflasi bagi 6 bulan kebelakangan ini telah melebihi 5% seperti mana yang dijangka oleh Kerajaan pada tahun

1979. Ini adalah disebabkan bahawa Kementerian Perdagangan dan Perindustrian merasa lemah dan incompetent untuk memerangi kenaikan harga barang-barang keperluan sehari-hari. Saya akan cuba memberikan dua contoh yang baik untuk menunjukkan, untuk memperlihatkan bagaimana lemah dan incompetentnya Kementerian Perdagangan dan Perindustrian untuk melindungi kepentingan pengguna-pengguna di Malaysia amnya. Umpamanya kenaikan harga simen itu sebanyak 60% adalah langsung tidak adil dan tidak saksama kerana ketiga-tiga kilang simen yang ada di Malaysia ini tiap-tiap tahun telah memperolehi keuntungan melebihi \$10 juta. Saya merasa kesal bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri ketika menjawab soalan ini katanya kos di kilang-kilang simen ini telah naik maka Kerajaan baru meluluskan kenaikan harga simen.

Tuan Speaker, kalaulah kos kilang-kilang simen ini telah naik, apakah sebabnya ketiga-tiga kilang simen ini masih memperolehi keuntungan bersih melebihi \$10 juta setahun. Di manakah alasan yang boleh diterima oleh semua pihak? Itulah sebabnya telah membawakan satu keadaan yang buruk, suasanya yang buruk di mana harga yang berkaitan dengan simen telah melambung naik termasuk rumah-rumah, terrazzo, mosaic dan lain-lainnya. Ini akan mempengaruhi dan menjejaskan tujuan Kerajaan mahu mengadakan lebih banyak rumah-rumah yang berkost rendah.

Di sini saya mahu meminta Menteri Perdagangan dan Perindustrian memberikan satu penjelasan yang memuaskan kepada Dewan ini, apakah sebabnya simen dinaikkan harga sebanyak 60% kerana ketiga-tiga buah kilang ini adalah mendapat keuntungan yang melebihi \$10 juta setiap tahun selama beberapa tahun kebelakangan ini. Inilah penjelasan yang perlu diberitahu oleh Menteri Perdagangan supaya syak wasangka dan segala kecurigaan boleh dihilangkan kerana pengguna-pengguna amnya di Malaysia merasa sangat tidak puas hati terhadap kebenaran Kerajaan menaikkan harga simen itu juga mengenai harga keluaran minyak. Saya tidak dapat memahami apakah sebabnya Malaysia sebagai pengeluar minyak dan juga mendapat banyak keuntungan daripada hasil keluaran minyak tetapi disel boleh dinaikkan harga dua kali dalam masa 60 hari sahaja. Tetapi masalah perkara disel masih tidak boleh diatasi, kalaulah syarikat-syarikat minyak asing cuba mensabotaj ekonomi

negara Malaysia yang cuba mempermainkan Kerajaan yang begitu lemah untuk memerangi tuntutan kenaikan harga mereka, maka DAP adalah bercadang supaya Kerajaan membuat satu tinjauan dan bertindak segera untuk menguasai PETRONAS sebagai badan untuk membekalkan segala keluaran minyak di Malaysia.

Saya yakin kalaulah PETRONAS boleh berjaya untuk mengatasi masalah kekurangan minyak disel dengan membekalkan disel sendiri, tentu PETRONAS adalah berkemampuan untuk membekal keluaran minyak seperti minyak tanah, gas dan lain-lain oleh PETRONAS sendiri supaya Malaysia boleh dilepaskan daripada kongkongan oleh syarikat-syarikat minyak asing itu.

Sekarang saya fikir sudah sampai masanya, sungguhpun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada memberitahu bahawa rancangan untuk menghakmilknegarikan perusahaan minyak ini sedang dalam pengkajian Kerajaan. Tetapi DAP lebih merasa khuatir bahawa masanya akan singkat kalau PETRONAS masih teragu-ragu untuk membuat satu rancangan untuk menghakmilknegarikan perusahaan minyak kita. Saya yakin Malaysia akan mendapat banyak bantuan daripada negara-negara Timur Tengah yang mengeluarkan minyak, baik dari segi ugama, dari segi perhubungan diplomatik dengan negara-negara Timur Tengah. Saya yakin PETRONAS akan boleh dibantu baik di segi teknikal atau pasaran bekalan dan juga penapisan. Saya yakin negara Indonesia juga akan bersedia menolong Malaysia kalaulah Malaysia sudah memutuskan bahawa rancangan hakmilknegara perusahaan minyak sudah sampai masanya.

Tuan Speaker, di sini saya perlu menyentuh peranan PETRONAS. Kita semua sedia maklum bahawa melalui wang minyak yang diperolehi oleh PETRONAS telah melambung naik iaitu dari \$1,041 juta pada tahun 1979 sudah naik kepada \$1,233 juta pada tahun 1980.

Tuan Speaker, hasil daripada minyak ini telah menduduki sebanyak 13% daripada jumlah hasil Kerajaan pada keseluruhannya juga memandangkan eksport minyak mentah Malaysia akan menduduki sebanyak \$5.400 juta dan akan menggantikan getah sebagai pendapatan eksport yang terbesar di Malaysia ianya akan menduduki 24% daripada jumlah pendapatan eksport negara kita. Tetapi

dengan berbillion-billion ringgit yang diperolehi melalui PETRONAS ini siapakah sebenarnya yang akan mengawal dan mengawasi serta menguruskan segala perancangan dan kegiatan PETRONAS ini, Jabatan Perdana Menteri atau PETRONAS sendiri? Sehingga saat petang ini Dewan ini tidak tahu langsung siapakah yang sebenarnya mengcontrol, mengawasi PETRONAS dan PETRONAS ada mempunyai beberapa harta bendanya tetapi tidak seorang pun Ahli Yang Berhormat di Dewan ini dapat mengetahui asset yang ada pada PETRONAS pada hari ini.

Memang, PETRONAS adalah sebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat-syarikat, 1965 dan juga ditubuhkan di bawah Akta Kemajuan Petroliaam, 1974 dan PETRONAS adalah bertanggungjawab secara langsung kepada Perdana Menteri tetapi nampaknya Dewan Rakyat tidak dapat mengawal dan juga mengawasi segala urusan yang ada berkaitan dengan PETRONAS. Apa yang kita bimbangkan ialah dengan kedatangan berbillion-billion ringgit ini setiap tahun yang akan diperolehi oleh PETRONAS, maka di manakah wang akan dibelanjakan dan juga apakah projek-projek dan rancangan-rancangan telah dilaburkan oleh PETRONAS. Di manakah penyata-penyata akaun daripada PETRONAS?

Tuan Speaker, kesemua ini Dewan Rakyat tidak tahu langsung apakah yang telah berlaku kepada PETRONAS. Saya hanya bimbang kalaulah PETRONAS tidak diletakkan di bawah kawalan dan pengurusan Dewan Rakyat mungkin ianya akan menjadi PERTAMINA yang kedua seperti yang berlaku di negara jiran kita.

Tuan Speaker, di sini saya mencadangkan bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengambil inisiatif untuk meminda Akta Kemajuan Petroliaam dan juga Akta-akta yang berkenaan supaya PETRONAS sebagai perbadanan minyak yang akan menguasai, yang akan mempengaruhi masa hadapan ekonomi negara kita ini bolehlah diletakkan di bawah jagaan dan tanggungjawab Dewan Rakyat yang mulia ini. Bukanlah hanya bertanggungjawab kepada seorang Menteri atau Perdana Menteri atau manamana satu Kementerian sahaja. Ini adalah cadangan saya, saya harap Yang Amat Berhormat boleh memberitahu Dewan ini apakah tindakan akan diambil oleh Kerajaan

untuk meletakkan PETRONAS di bawah kawalan Parlimen dan juga sudahkah Kerajaan mengkaji atau meninjau semula dasar perusahaan minyak negara kita sepertimana yang saya sebutkan tadi.

Tuan Speaker, sekarang saya akan menyentuh mengenai tanah. Selain daripada kekayaan sumber semula jadi minyak, tanah juga adalah merupakan satu sumber yang terkaya yang ada di Malaysia hari ini. Tuan Speaker, saya merasa kesal dan keciwa selama ini Kerajaan masih belum bertindak untuk mengkaji, meninjau semula dasar pembangunan tanah negara kita. Dengan kekayaan tanah yang ada di Malaysia hari ini, kalaulah tidak dikawal dengan satu dasar yang radikal mungkin masalah kemiskinan tidak boleh diatasi dan juga matlamat Dasar Ekonomi Baru Malaysia tidak akan dicapai pada tahun sepertimana yang dijangkakan.

Di sini saya adalah merayu supaya Kerajaan boleh menubuhkan satu Jawatankuasa Khas untuk meninjau bagaimana dasar pembukaan dan pembangunan tanah negara kita boleh diubahsuaikan supaya keutamaan pemberian tanah ini bolehlah diberikan kepada golongan yang tidak bertanah khususnya kaum nelayan dan petani di masyarakat luar bandar. Dan juga saya memang sedar bahawa hal ehwal tanah adalah merupakan satu tanggungjawab dan hak Kerajaan Negeri tetapi di bawah pemerintahan Barisan Nasional saya yakin segala usaha ini boleh diselaraskan supaya Malaysia dapat mempunyai satu dasar pembangunan tanah yang radikal yang boleh menolong mengatasi segala masalah yang berpunca daripada pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru yang mengalami masa yang kesepuluhnya pada tahun ini.

Tuan Speaker, mengenai tanah ini saya perlu menyentuh sedikit berkaitan dengan Akta Pengambilan Tanah 1960. Saya suka membangkitkan perkara ini dengan harapan Dewan boleh memberikan satu perhatian yang berat atas tindakan Kerajaan-kerajaan Negeri yang di bawah Akta Pengambilan Tanah ini untuk mengambil tanah-tanah daripada orang perseorangan atau daripada sektor swasta. Saya merasa terperanjat ada menerima beberapa aduan baik di negeri Melaka, Selangor atau Pahang bahawa Kerajaan adalah bertindak dengan sewenang-wenangnya untuk mengambil tanah daripada swasta dengan tujuan bukan untuk sepertimana yang digezetkan dalam negara

kita. Sebagai contoh, sekeping tanah yang luasnya melebihi 1,000 ekar di Gombak, Selangor dan juga sekeping di Kuantan. Ketika Kerajaan Negeri mengambil tanah ini menyatakan tanah ini akan dijadikan sebagai tapak Universiti. Tetapi akhirnya tapak ini sudah dipindahkan ke negeri yang lain tetapi Kerajaan Negeri enggan mengembalikan tanah ini kepada orang tuannya tanah bila tujuan asalnya telah berubah. Dan saya juga merasa kesal bahawa Kerajaan selalu membayar satu ganti-rugi atau pampasan yang tidak sewajarnya atau yang tidak berpatutan dengan berasaskan pada harga pasaran untuk mengambil tanah daripada tuannya tanah swasta.

Tuan Speaker, di sini saya harap Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah boleh memberikan perhatian atas perkara ini supaya perkara menyalahgunakan kuasa boleh dielakkan sepertimana yang saya sebutkan tadi dan ini adalah sangat serius kerana saya sentuh pengambilan tanah ini baik dari segi Perlembagaan Malaysia kita. Nampaknya Kerajaan telah mencero bohi hak asasi rakyat yang memiliki harta bendanya sendiri. Tentu rakyat akan menyokong Kerajaan kalau tanah-tanah yang diambil ialah untuk projek pembangunan sosia-ekonomi atau kebijakan rakyat. Tentu rakyat tidak akan menentang malahan rakyat akan menyokong tindakan pengambilan tanah Kerajaan untuk membangunkan segala projek pembangunan sosio-ekonomi yang akan membawa faedah kepada rakyat serata Malaysia pada keseluruhannya. Tetapi rakyat Malaysia tidak boleh bersetuju dengan tindakan sewenang-wenangnya yang selalu diambil oleh Kerajaan-kerajaan Negeri yang saya sebutkan tadi.

Umpamanya di negeri Melaka, tanah "A" diambil, kemudian diberikan kepada "B" dalam bentuk usahasama. Kalaulah Kerajaan mahu mengambil tanah daripada "A" apa sebab Kerajaan tidak boleh mengadakan projek usahasama perumahan dengan "A" melainkan mengambil tanah "A" dengan bayaran 1 kaki persegi 10 sen sahaja. Bila berkongsi dengan "B" dia jual tanah itu sehingga \$3 satu kaki persegi. Ini nampaknya tidak adil. Kalau mahu tanah hanya boleh diambil berasas kepada undang-undang yang berkenaan demi kepentingan pembangunan

awam dan sosio-ekonomi Kerajaan tetapi bukanlah diambil dari "A" beri kepada "B". Cara ini adalah salah dan melanggar undang-undang yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh sedikit mengenai perkara pelajaran. Kelmarin Menteri Pelajaran ada mengumumkan pecahan kaum atas pengambilan pelajar kelima-lima universiti tempatan iaitu kaum bumiputra menduduki 64.27% dan kaum bukan Melayu hanya 35.73% sahaja. Nampaknya jurang kaum bumiputra dan bukan Melayu ini kian meluas. Sungguhpun satu formula telah diumumkan dan akan dikirafkan untuk pengambilan pelajar-pelajar pada tahun-tahun akan datang tetapi apakah rancangan dan tindakan akan diambil oleh Kerajaan Barisan Nasional supaya ketidakseimbangan atas pengambilan pelajar-jelajar ini boleh diseimbangkan untuk mencerminkan komposisi kaum yang ada di Malaysia hari ini. Saya bukan sengaja hendak menyentuh perkara ini yang nampaknya mungkin sensitif dari segi kaca mata Barisan Nasional tetapi kerana Menteri Pelajaran ada membuat satu janji baru-baru ini di pilihanraya umum di Sarawak. Janji yang diberi oleh Menteri Pelajaran ialah seperti berikut.

Pertama, guru-guru akan diberi latihan di sekolah-sekolah yang mengajar bahasa Cina. Jika kita mendapati masalah kekurangan guru-guru yang terlatih maka saya menyeru di sini supaya kursus latihan SRC untuk guru-guru sementara waktu ini boleh dilanjutkan dan bilangan guru yang akan dilatih ini boleh ditambah bilangannya.

Kedua, janji yang diberi ialah mengenai bilik-bilik dan Sekolah Rendah Cina akan dibina dan ditambah. Di sini saya merayu supaya Menteri Pelajaran boleh mengkotakan janjinya dengan menambah lebih banyak sekolah-sekolah rendah Cina baik di Semenanjung Malaysia atau Sarawak khasnya.

Ketiga, jaminan yang diberi oleh Menteri Pelajaran ialah mengenai Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina ini tidak akan dijadikan Sekolah Kebangsaan.

Maka di sini saya berharap Menteri Pelajaran boleh membawa satu Rang Undang-undang (Pindaan) terhadap Akta Pelajaran 1961 supaya Seksyen 21 (b) ini dibatalkan.

Ini adalah merupakan satu jaminan yang berkuatkuasa mengikut Perlembagaan dan Undang-undang. Di sini saya berharap Menteri Pelajaran boleh memberitahu Dewan ini bahawa bilakah janji-janji tersebut boleh ditunaikan.

Di sini saya akan menyentuh perkara mengenai permohonan kewarganegaraan. Saya merasa kesal memberitahu bahawa sikap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri yang begitu angkuh dan begitu arrogant bila menjawab soalan-soalan berkaitan dengan permohonan kerakyatan yang ada di Malaysia hari ini. Memang Kerajaan adalah berhak dan mempunyai privilege untuk menolak atau meluluskan sesuatu permohonan kewarganegaraan. Tetapi hingga hari ini ada melebihi 300,000 orang yang tinggal di Malaysia tidak mempunyai apa-apa kewarganegaraan. Maka di sini saya hendak bertanya bagaimana Kerajaan kita boleh mengatasi masalah kehidupan sosio-ekonomi mereka. Kalaupun Kerajaan masih bersikap bahawa ini adalah merupakan hak (privilege) Kerajaan maka ini akan membawa satu suasana yang tidak stabil baik dari segi sosial atau politik kalau mereka masih diabaikan sungguhpun melebihi 10 tahun memohon kewarganegaraan tetapi tidak diluluskan dan lebih 150,000 orang memohon permanent status tetapi tidak juga diberi perhatian yang berat dan sewajarnya.

Pokok masalah ini bukanlah siapa yang mempunyai kuasa atau hak keistimewaan dalam perkara ini. Pokok masalah yang perlu diselesaikan ialah bagaimana golongan yang tidak mempunyai kewarganegaraan yang tinggal di Malaysia lebih 10 tahun ini untuk mencari penghidupan mereka, untuk membolehkan mereka hidup sebagai rakyat Malaysia, mereka suka dan bersedia melafazkan taat setianya kepada negara Malaysia. Tetapi bagaimana pendirian Malaysia untuk mengurus dan mengatasi masalah yang begitu rumit dan serius ini. Ini sebenarnya adalah merupakan satu hak asasi kemanusiaan. Sungguhpun Kerajaan akan menyangkal pandangan ini, tetapi saya hendak bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan Perdana Menteri bahawa kalau kesemua permohonan ini ditolak maka apakah cara penyelesaian yang akan digunakan untuk mengatasi masalah ini kerana mereka masih hidup di Malaysia. Kalau masalah kerakyatan mereka tidak diselesaikan dengan

sewajarnya, tentu ini akan menjadikan satu faktor yang akan membawa satu kekacauan di Malaysia baik dalam segi sosial atau politik.

Akhirnya saya suka menyentuh mengenai dua perkara di Melaka mengenai ISA. Saya merasa kesal bahawa perkhidmatan penerbangan MAS di Melaka/Singapura telah dibatalkan sejak 1hb November 1977. Sungguhpun Kerajaan Negeri Melaka dan Persatuan-persatuan Peniaga atau Barang-barang Perindustrian dan Pelancungan ada membuat rayuan baik kepada Menteri Pengangkutan atau Perdana Menteri tetapi rayuan mereka langsung tidak dilayani sehingga menjejaskan pembangunan, perusahaan pelancungan dan perniagaan di negeri Melaka. Di sini saya merayu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh diberi keutamaan kepada negeri Melaka sebagai negeri yang miskin dan termundur ini supaya perkhidmatan penerbangan MAS ini boleh dipulihkan dengan segeranya.

Pelabuhan Melaka juga ada menghadapi berbagai masalah kerana keketekan Sungai Melaka yang mengakibatkan tongkang-tongkang tidak boleh memunggah barang-barangnya. Langkah-langkah keselamatan pun tidak memuaskan di pelabuhan negeri Melaka dan kemudahan-kemudahan asas pun tidak disediakan di pelabuhan itu. Saya berharap Kementerian Pengangkutan boleh bertindak segera untuk memperbaiki perkhidmatan pelabuhan di negeri Melaka pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya perlu menarik perhatian Dewan mengenai kedudukan kedua-dua Ahli Yang Berhormat daripada pihak DAP iaitu Ahli Yang Berhormat dari Sungai Besi dan Ahli Yang Berhormat dari Batu Gajah, saudara Chian Heng Kai dan Chan Kok Kit. Mereka ditahan semenjak 3hb November, 1977 kerana kenyataan politik mereka yang terlibat di bidang pelajaran Cina. Tetapi selama 3 tahun ini saya fikir sudah sampai masanya untuk Perdana Menteri meninjau kedudukan mereka supaya mereka boleh dilepaskan tanpa apa-apa syarat supaya mereka boleh berkhidmat kepada negara, masyarakat dan rakyat yang memilih mereka.

Memang Kerajaan adalah berkuasa untuk melanjutkan tempoh tahanan ini dari dua tahun yang akan datang, tetapi Malaysia

sebagai negara yang menjunjung tinggi prinsip demokrasi dan hak asasi manusia, di sini saya merayu supaya Kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang berjiwa rakyat ini bolehlah membebaskan mereka dalam masa yang singkat ini, biarlah mereka pulang ke pangkuan rakyat yang memilih mereka kerana rakyat sudah lama menunggu mereka kembali untuk berkhidmat dan supaya mereka boleh menjalankan tugasnya sebagai Ahli Yang Berhormat di Dewan ini. Kalau-lah Kerajaan masih menganggap mereka bersalah maka saya minta Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menghadapkan mereka ke mahkamah untuk perbicaraan terbuka, jika tidak saya adalah merayu sekali lagi, biarlah mereka kembali ke pangkuan rakyat yang memilihnya, kerana rakyat di kawasan mereka sangat-sangat memerlukan perkhidmatan dan sumbangan daripada wakil rakyat yang mereka pilih itu.

Kalaulah Kerajaan masih merasa mereka bersalah pada masa yang akan datang, mereka masih boleh ditahan di bawah ISA tetapi saya fikir masa tiga tahun itu adalah cukup panjang untuk mereka berada di Kem Tahanan Kemunting.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Labuk Sugut.

6.02 ptg.

**Tuan Haji Ampong bin Puyon (Labuk Sugut):** Tuan Yang di-Pertua, memang tidak dapat dinafikan belanjawan tahun 1980 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan merupakan belanjawan yang paling realistik sekali dalam kurun ini. Berlandaskan dari fakta-fakta yang dikemukakan, tidaklah keterlaluan kalau dikatakan belanjawan tersebut memberi penekanan yang kuat bagi mengurangkan beban golongan berpendapatan rendah dan kaum tani di luar bandar.

Di samping memberi sokongan penuh terhadap belanjawan tersebut, saya ingin mengesyorkan beberapa langkah yang difikirkan positif bagi memastikan belanjawan pembangunan tahun 1980 yang berjumlah lebih kurang \$10,000 juta itu akan dapat dinikmati oleh rakyat yang benar-benar memerlukan terutama sekali dari golongan tani dan kaum buruh yang keseluruhannya berpendapatan rendah iaitu di antara \$100 hingga \$300.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang patut ditumpukan ialah masalah asas golongan tersebut iaitu masalah perumahan yang mana kebanyakan dari mereka belum lagi dapat menikmati peruntukan yang banyak dari Kerajaan. Golongan yang mempunyai pendapatan kurang dari \$300 ini sentiasa sahaja tidak mampu bersaing dengan mereka yang mempunyai pendapatan yang lebih dari itu. Memang tidak dapat dinafikan bahawa Kerajaan ini sudahpun mengadakan syarat supaya golongan yang mempunyai pendapatan bawah \$500 sahaja yang diboleh memohon untuk membeli rumah-rumah murah, tetapi pada pandangan saya syarat tersebut tidak begitu efektif kerana sebilangan besar golongan berpendapatan bawah \$300 tidak berupaya bersaing dengan golongan berpendapatan \$500.

Dengan yang demikian untuk menyelamatkan golongan ini dan memastikan mereka yang mempunyai pendapatan bawah \$300 bersama dapat menikmati peruntukan \$670 juta pada tahun hadapan adalah lebih baik ditubuhkan satu tabung yang dipanggil Tabung Khas untuk golongan tersebut. Tabung tersebut bukan sahaja berfungsi untuk membantu golongan buruh tetapi juga kaum tani atau penoreh getah di luar bandar. Di samping tabung tersebut, saya juga mencadangkan supaya Kerajaan lebih mengutamakan pembinaan rumah-rumah yang paling murah di kawasan luar bandar terutama sekali di Sabah dan Sarawak yang masih tertinggal jauh di bawah skim ini. Izinkan saya mengambil contoh di kawasan saya wakili di mana rumah-rumah murah tidak terdapat walau sebuah pun.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah skim yang saya sebutkan tadi dapatlah Kerajaan membina rumah-rumah murah dan bayaran bulanannya kurang dari \$50, sebulan. Jadi dengan demikian saya berharap, dapatlah Kerajaan menumpukan perhatian sepenuhnya terhadap pembinaan rumah paling murah yang mampu rakyat luar bandar membelinya dan jika boleh Kerajaan hendaklah memberi subsidi kepada mereka ini supaya mereka dapat menikmati bersama kemewahan dan kekayaan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mencadangkan kepada Dewan ini supaya Kerajaan menubuhkan satu Yunit Pasukan Petugas Khas yang kuat dan kukuh serta berkesan bagi memastikan penjualan

rumah-rumah Kerajaan tidak jatuh kepada mereka yang ingin menjadi lintah darat serta membuat keuntungan semata-mata. Peruntukan undang-undang perlu diwujudkan bagi menghukum mereka yang terlibat di dalam sindiket seperti ini supaya perbuatan penyelewengan seperti ini dapat dihapuskan atau setidak-tidaknya dikurangkan dari merebak sehingga tidak dapat dikawal.

Tuan Yang di-Pertua, jaminan demi jaminan tidak memberi kesan apa-apa jika tindakan yang positif dan berkesan tidak diambil. Di samping itu usaha-usaha yang tegas hendaklah dijalankan agar tidak berlaku penyelewengan atau berlakunya permintaan duit kopi dalam permohonan rumah-rumah murah untuk rakyat ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai inflasi, di sini saya ingin mengesyorkan supaya pasukan penguatkuasa Kementerian Perdagangan dan Perindustrian menambah kakitangannya bagi memastikan harga barangan tidak dinaikkan secara sewenang-wenangnya oleh peniaga-peniaga bagi mendapatkan keuntungan yang berlebihan. Ini berlandaskan dari aduan-aduan orang ramai yang menyatakan bahawa harga barang naik dengan sewenang-wenangnya walaupun Kerajaan melarang sebarang kenaikan harga barangan di negara ini.

Sebagai contoh kenaikan harga diesel telah membuat beberapa golongan peniaga cuba menaikkan harga barang mereka seperti kos pengangkutan dan sebagainya. Perkara ini terjadi disebabkan kakitangan pemeriksaan Kementerian yang berkenaan tidak mempunyai cukup tenaga untuk melaksanakan pemeriksaan secara mengejut setiap mana.

Mengenai Skim Amanah Saham Bumiputra, saya berpendapat jika skim itu dilaksanakan hanya mengikut sukarela kaum bumiputra untuk membelinya maka hanya sebilangan kecil sahaja kaum bumiputra yang membelinya. Dengan demikian saya mencadangkan supaya Kerajaan meluluskan satu undang-undang yang mewajibkan golongan berpendapatan rendah membeli saham mereka tiap-tiap bulan sama ada menerusi potongan gaji mahupun sebagainya.

Jika langkah ini tidak dijalankan saya khuatir skim yang dijalankan oleh Yayasan Permodalan Nasional yang mendapat peruntukan sebanyak \$500 juta dari Kerajaan

itu akan dapat memenuhi matlamatnya iaitu untuk melibatkan diri golongan berpendapatan rendah dalam skim tersebut.

Mengenai penyertaan bumiputra di dalam bidang perniagaan, perkara ini kerap kali diperkatakan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, namun langkah-langkah positif kurang banyak dilaksanakan secara menyeluruh. Dengan demikian saya menggesa Kerajaan mengambil tindakan yang lebih tegas bagi menolong peniaga-peniaga bumiputra yang baru muncul bukan semata-mata menolong mereka yang sudah established.

Saya juga ingin menyeru MARA, UDA dan PETRONAS supaya jangan menjalankan perniagaan yang bersaing dengan peniaga-peniaga bumiputra kerana itu bercanggah dengan dasar dan matlamat Kerajaan sendiri. Di samping itu saya juga berharap supaya Kementerian Pelajaran mengambil daya usaha yang positif untuk memperbaiki hubungan baik antara penuntut-penuntut Sabah, Sarawak dan Semenanjung di seberang laut khususnya di London. Mengikut aduan yang diterima dari pelajar kita yang baru balik, Pusat Pelajar di negara itu tidak memainkan peranan yang penting dalam menyelaraskan kegiatan antara pelajar-pelajar Semenanjung dengan pelajar-pelajar Sabah dan Sarawak. Ini membuat pelajar-pelajar Sabah dan Sarawak lebih suka menggabung dengan pelajar-pelajar dari Brunei di sana.

Perkara ini jika dibiarkan sudah tentu akan melahirkan satu gap yang luas dalam masa jenerasi yang akan datang di antara pelajar-pelajar Semenanjung dengan pelajar-pelajar Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengesyorkan supaya Kerajaan memberi pelepasan cukai kepada pembayar cukai yang anaknya menuntut dalam institusi pengajian tinggi dalam negara ini, kerana saya berpendapat adalah tidak adil bagi Kerajaan hanya memberi pelepasan cukai kepada anak-anak pembayar cukai yang menuntut di luar negeri sahaja. Dengan yang demikian, untuk melakukan keadilan dan saksama kepada seluruh pembayar cukai di negara ini adalah wajar bagi Kerajaan memberi pelepasan cukai walaupun 3/4 yang dikenakan kepada anak-anak pembayar cukai yang belajar di seberang laut.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan rancangan Kerajaan untuk membina jalanraya sepanjang lebih kurang 380 batu pada tahun hadapan, adalah diharapkan peruntukan yang berpatutan diberi kepada kawasan-kawasan luarbandar khususnya di kawasan yang saya wakili yang masih belum banyak menikmati kemudahan-kemudahan jalanraya dengan sewajarnya. Oleh yang demikian, saya merayu kepada pihak Kementerian yang berkenaan supaya lebih mengambil perhatian positif di kawasan tersebut sekurang-kurangnya membina jalan tambah tanah merah tetapi lebih baik jika ditarkan supaya dapat menyenangkan perhubungan rakyat di kawasan tersebut. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Alor Setar.

6.13 ptg.

**Tuan Oo Gin Sun (Alor Setar):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Anggaran Belanjawan yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. Sesungguhnya amatlah menyenangkan mendengar bahawa negara kita dapat mengadakan perkembangan ekonomi sebanyak delapan peratus (8%) biarpun perjalanan ekonomi dan kewangan negara-negara perindustrian itu lembab dan muram.

Kita semua sedar adalah kenaikan harga minyak yang tidak berkeputusan akan mewujudkan masalah ekonomi yang serius bagi negara-negara perindustrian di dalam tahun 1980 dan dengan itu menyebabkan inflasi yang tinggi dan pengangguran yang meluas di negara-negara perindustrian. Negara-negara membangun yang ada perhubungan perdagangan dengan negara-negara perindustrian itu tiada dapat, tiada akan menerima akibatnya jika langkah-langkah yang sewajarnya tiada diambil untuk memperbetulkan keadaan ini.

Sesungguhnya amatlah menggalakkan untuk mengetahui iaitu tujuan besar akan strategi Anggaran Belanjawan ini ialah bagi memajukan perkembangan ekonomi dan menghalangkan inflasi, khususnya bagi melapangkan kesusahan-kesusahan si miskin dan pihak yang berpendapatan rendah. Adalah menjadi kenyataan yang negara-negara membangun seperti Malaysia sentiasa menghadapi masalah-masalah dengan negara-negara perindustrian berkenaan dengan soal memasuki

pasaran. Negara-negara perindustrian selalu sahaja membangkitkan sesuatu yang menggerunkan iaitu barangan dunia ketiga membanjirkan pasaran mereka sebagai suatu alasan bagi mengenakan tindakan perlindungan walaupun sebenarnya negara-negara membangun cuma membekalkan kurang daripada dua peratus (2%) daripada barangan perkilangan yang dipergunakan oleh negara-negara yang telah maju. Maka telah berlaku dengan jelasnya akan pertambahan di dalam perkara perlindungan di negara-negara perindustrian. Amatlah mustahak bagi Kerajaan kita bekerja dengan rapat dengan lain-lain negara membangun untuk meyakinkan negara-negara yang telah maju bagi membuka pagar-pagar perdagangan oleh sebab perlindungan pada keseluruhannya merugikan antara bangsa. Ianya melemahkan kecukupan, membebankan pengguna dan mengancam nilai hidup rakyat dunia ketiga. Jika ini tiada mungkin maka sangatlah mustahak bagi negara kita khususnya dan lain-lain negara membangun pada amnya merancang suatu polisi perdagangan baru supaya satu order ekonomi antarabangsa baru dapat diwujudkan. Kerajaan mestilah berani memasuki kawasan-kawasan baru seperti menubuhkan perhubungan-perhubungan perdagangan baru dengan negara-negara Islam, Negara-negara Eropah Timur dan juga China yang sedang melaksanakan susunan rancangan pemodenan supaya ekonomi negara kita tiada payah bergantung kepada negara-negara perindustrian semata-mata.

Di dalam ucapan Anggaran Belanjawannya Yang Berhormat Menteri Kewangan telah menyatakan bahawa memperbetulkan kemiskinan di bawah Anggaran Belanjawan 1980 bukan setakat meninggalkan pendapatan sahaja. Ia juga bermaksud meninggalkan taraf hidup dan darjat atau kualiti hidup pihak yang berpendapatan rendah dan bagi tujuan ini, akan ada perbekalan bagi melaksanakan tiga ratus lima puluh (350) batu jalan luarbandar, sembilan puluh juta (90 juta) ringgit akan dibelanjakan untuk elektrik luarbandar dan dua ratus juta ringgit (\$200 juta) akan dibelanjakan untuk perkhidmatan kesihatan luarbandar dan memperelokkan rumah-rumah sakit.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap rakyat-rakyat yang tinggal di Perkampungan-perkampungan Baru akan termasuk di dalam bidang kuasa peruntukan ini. Tiadalah payah

saya mengulangi di dalam Dewan ini, tarikh Perkampungan-perkampungan Baru. Tiap-tiap seorang tahu asal usul Perkampungan-perkampungan Baru. Ianya dicabut dari pinggir hutan dan dimasuki ke dalam kawasan yang dipagar di saat-saat yang darurat telah meningkat untuk melawan komunis bersenjata dan sehingga ke hari ini mereka masih tinggal di perkampungan-perkampungan yang sama dengan tiada ada kemudahan-kemudahan asas atau infrastruktur lampu, air dan lain-lain kemudahan-kemudahan asas. Dua generasi telahpun berlalu dan mereka masih tinggal di dalam keadaan yang serupa. Kebanyakan daripada mereka berpendapatan ke bawah daripada garisan kemiskinan dan telah menderita dengan berdiam-diam sahaja. Pendeknya mereka boleh digelar "kaum yang telah dilupai". Jika mereka tiada termasuk di dalam bidang kuasa peruntukan ini, maka saya berharap dengan ikhlasnya pihak Kerajaan akan mengadakan susunan rancangan bersama atau program dijarakkan di dalam masa beberapa tahun di bawah Rancangan Malaysia Keempat membekalkan kemudahan-kemudahan asas atau infrastruktur yang perlu, api dan air dan kemudahan-kemudahan kesihatan dan pelajaran bagi rakyat ini. Untuk memenangi atau menawan hati dan kenangan rakyat ini akan mengambil masa yang agak panjang. Ini juga menunjukkan hasrat Kerajaan bagi memperbetulkan kemiskinan di tiap-tiap sektor masyarakat kita tiada kira warna, bangsa atau ugama. Dengan keadaan kewangan yang kukuh negara kita, saya tiada berfikir tugas seumpama ini mustahil.

Tuan Yang di-Pertua, saya sukacita mendengar daripada ucapan Anggaran Belanjawan iaitu satu perlima (1/5) daripada jumlah perbelanjaan operasi sebanyak dua ribu lima puluh lima juta ringgit (\$2,055 juta) akan diperuntukkan bagi pelajaran supaya diperluaskan pelajaran rendah, menengah dan tinggi dan lebih banyak lagi biasiswa dan dermasiswa akan diberikan kepada murid-murid miskin. Saya yakin akan kemasukan ke dalam institusi-institusi pelajaran bersaksama dan biasiswa-biasiswa akan diberi kepada tiap-tiap sektor masyarakat supaya tiap-tiap kaum mendapat bahagiannya daripada kek ekonomi itu.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya menyokong Belanjawan 1980.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Bandau.

6.20 ptg.

**Tuan Abbah bin Mengimbal (Bandau):** Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyertai rakan-rakan saya di dalam Barisan Nasional untuk menyokong penuh Belanjawan di Dewan yang mulia ini. Dengan peluang ini dapatlah saya menyampaikan rasa penghargaan dan kesyukuran rakyat yang saya wakili.

Saya datang dari sebuah kawasan di Sabah yang mana mempunyai penduduk memerlukan kemudahan yang lebih disebabkan di masa lalu mereka telah dibiarkan. Sementara menghargai usaha-usaha Kerajaan memperbaiki kehidupan mereka, kita haruslah memberi perhatian tentang aspirasi mereka yang semakin meningkat untuk mendapatkan kemudahan kesihatan dan khidmat pelajaran di kawasan ini. Saya juga maklum memang tidak mudah untuk memenuhi segala yang diperlukan oleh rakyat kerana semakin besar Kerajaan kita buat untuk mereka, semakin besar juga hasrat mereka untuk mendapat lebih banyak kemudahan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masa 3 tahun yang lalu kemajuan yang dicapai, begitu juga di kawasan Kudat di Sabah, di mana kemudahan-kemudahan jalanraya, rancangan-rancangan penempatan telah diadakan selain daripada membuka lebih banyak peluang-peluang pekerjaan hasil daripada usaha-usaha pembangunan Kerajaan begitu ketara dan dapat dilihat di merata-rata tempat. Rakyat yakin di bawah Kerajaan Negeri yang ada sekarang dengan bantuan Kerajaan Persekutuan, kawasan-kawasan luar bandar akan terus dibangunkan dengan pesatnya. Walau bagaimanapun, beberapa masalah dan kelemahan patut diberi perhatian oleh pihak Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Rancangan Malaysia Ketiga negeri Sabah mendapat tambahan kemudahan perubatan, lebih banyak klinik, pusat-pusat kesihatan kecil dan hospital dibina dan dibangunkan. Bagaimanapun, dua aspek yang mengecewakan saya dalam perkara ini.

Yang pertama, hospital daerah dan pusat kesihatan kecil tidak diberi peruntukan yang wajar dan apabila diberi peruntukan wang pula tidak dikeluarkan sehingga suku tahun ketiga dan keempat tahun itu yang menyulitkan kerja-kerja sebagaimana diperlukan pada mulanya.

Yang kedua, terdapat kekurangan kakitangan (staff) untuk mengendalikan klinik dan hospital-hospital. Masih banyak lagi kekosongan jawatan yang belum dipenuhi di Jabatan Perubatan Negeri sekalipun perkara ini telah berkali-kali disuarakan oleh Kerajaan Negeri kepada Kementerian Kesihatan meminta supaya diambil langkah tegas memperbaiki keadaan itu. Hal ini semakin bertambah buruk berikutan dengan usaha-usaha kita membina lebih banyak klinik dan hospital.

Tuan Yang di-Pertua, jika kita tidak mempunyai kakitangan perubatan yang cukup kita jangan ragu-ragu untuk mendapatkan mereka dari jiran-jiran tetangga kita. Rakyat memang tidak ambil pusing sangat tentang selok-belok teknik perubatan dan undang-undang. Apa yang mereka mahu ialah bagaimana untuk mendapat kemudahan perkhidmatan kesihatan bagi mereka. Mereka sebaliknya gagal untuk memahami sebab-sebab Kerajaan tak dapat mengatasi masalah yang sentiasa kita hadapi ini. Apabila kami sebagai wakil yang mereka pilih boleh menjelaskan kesukaran masalah itu, mereka tidak mahu mendengarnya dan lantas tidak mempercayai alasan kami tadi yang mereka ini tidak terdaya oleh Kerajaan untuk melakukan satu pun mengenainya.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini bahawa masanya telah tiba bagi kita mengadakan suatu tindakan yang praktikal tanpa sebarang gangguan politik atau prasangka birokrasi. Saya rasa perlu diadakan bagi memperbaiki keadaan. Satu gerakan besar-besaran untuk mengambil para doktor dari luar hendaklah diadakan untuk mengisi kekosongan yang terdapat di semua hospital di negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, di Sabah kita memang menghadapi masalah berhubung dengan kekosongan doktor. Kes-kes yang serius terpaksa dihantar ke hospital di bandar untuk mendapat rawatan. Keadaan ini bertambah rumit pula bila menghantar pesakit-pesakit kerana masalah perhubungan jalanrayanya dan pengangkutan. Saya difahamkan

bahawa ada terdapat pesakit yang tidak mendapat rawatan doktor ini disebabkan tidak terdapat hospital yang dekat atau tidak ada kenderaan apa yang kita perlukan.

Tuan Yang di-Pertua, kita berasa gembira dan sungguh bangga terhadap Kerajaan atas rombongan lawatan Yang Amat Berhormat Datuk Perdana Menteri ke Soviet Union baru-baru ini disebabkan Yang Amat Berhormat Datuk Perdana Menteri telah berjaya mendapat jaminan daripada Russia bahawa negara-negara ASEAN tidak akan diserang oleh Vietnam. Tetapi kita sedia maklum bahawa baru-baru ini Vietnam menceroboh masuk dan menakluki negeri Kampuchea dan

Laos. Kampuchea dan Laos adalah jiran negara.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat suka hendak sambung lagi esok?

**Tuan Abbah bin Mengimbal:** Ya, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah, boleh sambung lagi esok.

Mesyuarat ditangguhkan sehingga 2.30 petang hari esok, 26hb Oktober, 1979.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*